

i8%

ARLIMEN | PARLIMEN

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN
KEDUABELAS 2010**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab Lisan
Harian Yang Tidak Dapat Dijawab Dalam Dewan
Rakyat Daripada Kementerian**

HARIRABU: 24 MAC 2010

**CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.**

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LIS AN YANG TIDAK DAPAT DI JAWAB DID ALAM DEWAN
(SOALAN NO. 10 HINGGA 74)**

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 9 [RUJUK

PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

SIDEK
CAW. PERUNDANGAN PARLIMEN MALAYSIA

Soalan No : {0}

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN GOBALAKRISHAN A/L NAGAPAN
(PADANG SERAI)
TARIKH : 24.03.2010

SOALAN:

Y.B. TUAN GOBALAKRISHAN A/L NAGAPAN [PADANG SERAI] minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah Sekolah Tamil Paya Besar akan siap dibina dan apakah nama syarikat yang ditawarkan kontrak untuk membina Sekolah Tamil Paya Besar.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembinaan SJKT Paya Besar ini dicadangkan dalam senarai Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE). Perolehan tapak SJKT Jalan Paya Besar telah selesai pada 31 Disember 2009 dan pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) dalam proses merekabentuk bangunan sekolah. Tender akan dikeluarkan setelah proses berkaitan selesai.
Rjm 129

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

SOALAN NO: 11

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARIPADA	DATO' HENRY SUM AGONG [LAWAS]
TARIKH	24 MAC 2010 (RABU)

SOALAN:

Dato' Henry Sum Agong [Lawas] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan apakah tindakan yang diambil untuk membendung kegiatan penipuan berleluasa melalui SMS khusus membabitkan rakyat luar bandar yang kurang berpengetahuan menjadi mangsa dengan dijanjikan hadiah lumayan wang tunai jika memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak tertentu.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sistem Pesanan Ringkas (SMS) yang dilanggani pengguna telefon mudah alih semakin meningkat dan mencapai jumlah sekitar 80 billion.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sebagai badan pengawalselia menerima aduan daripada orang ramai mengenai kes-kes penipuan yang dilakukan melalui SMS dan mengambil tindakan berdasarkan peruntukan undang-undang yang sedia ada melalui kerjasama rapat dengan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) bagi mendapat, menyalur dan mengemukakan segala bentuk maklumat dan kepakaran yang diperlukan oleh PDRM sehingga tertangkapnya suspek yang terlibat.

Walau bagaimanapun, adalah menjadi tanggungjawab pengguna untuk mengemukakan aduan agar tindakan susulan dapat diambil.

Soalan No: 12

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN

DARIPADA

**LISAN YB DATO' HAJI AB. HALIM
BIN**

AB RAHMAN (PENGKALAN CHEPA)

TARIKH

24.03.2010

NO. SOALAN

YB. Dato' Haji Ab. Halim bin 12 Ab. Rahman [Pengkalan Chepal minta
MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI
menyatakan apakah usaha-usaha positif yang telah diambil oleh Kerajaan supaya
Bumiputera terus terbelia setelah Kementerian Pembangunan Usahawan dan
Koperasi (MECD) dimansuhkan. Di manakah jabatan/agensi yang dulunya di
bawah Kementerian tersebut diletakkan dan nyatakan fungsinya.

TAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Kerajaan terus memberi perhatian kepada usaha-usaha membangunkan usahawan
Bumiputera melalui Program Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian
Bumiputera (MPPB) sepanjang Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK9). Antara usaha
yang telah dijalankan Kerajaan untuk meningkatkan penglibatan Bumiputera
dalam bidang keusahawanan adalah:

- (i) meneruskan dan memudahkan bantuan-bantuan pembiayaan di bawah SME Corp. dan SME Bank;
- (ii) meningkatkan bina upaya melalui latihan-latihan dalam bidang keusahawanan seperti Latihan Usahawan Muda, Latihan Keusahawanan Peringkat Negeri dan Latihan Usahawan Peringkat Siswazah;
- (Hi) menyelaras dan meneruskan aktiviti promosi dan pemasaran bagi produk-produk usahawan;
- (iv) mewujudkan mekanisme penyelaras yang tetap seperti Majlis Pembangunan Usahawan (MPU) dan Jawatankuasa Kerja Pembangunan Usahawan (JKPU);
- (v) memperkuatkukuhkan keupayaan Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) sebagai pusat latihan keusahawanan terulung di Malaysia;
- (vi) menubuhkan Bahagian Pembangunan Usahawan (BPU), MITI dengan mencantumkan unit-unit di bawah MECD dengan Unit Pembangunan Perniagaan Bumiputera, MITI;
- (vii) meneruskan program-program utama pembangunan usahawan dan mengadakan Showcase Usahawan seperti Satu Daerah Satu Industri (SDSI), Karnival Usahawan dan Klinik Usahawan;
- (viii) MITI telah menubuhkan Makmal Bidang Keberhasilan Utama (KRA) untuk membangunkan Bumiputera dalam bidang keusahawanan;
- (ix) mengadakan sesi dialog secara berterusan dengan usahawan di seluruh Malaysia dengan perhatian khusus kepada Sabah dan Sarawak;

- (x) membuat hebahan melalui media dalam usaha memaklumkan kepada umum peranan MITI dalam pembangunan keusahawanan; dan
- (xi) mewujudkan Pusat Bantuan Usahawan bagi memberi khidmat nasihat dan konsultasi keusahawanan.

Tuan Yang Dipertua,

Setelah pembubaran MECD, program-program dan fungsi di bawahnya masih diteruskan termasuk program pembangunan keusahawanan yang telah diagihkan kepada lapan (8) Kementerian iaitu:

- (i) Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang mengambil alih Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), Bahagian Promosi dan Pemasaran, Bahagian Perancangan dan Penilaian dan SME Bank bagi memberi latihan keusahawanan, bantuan promosi dan pemasaran, penyelidikan impak program-program keusahawanan serta menyediakan kemudahan kewangan;
- (ii) Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah bertanggungjawab terhadap Majlis Amanah Rakyat (MARA) bagi melaksana fungsi memajukan, menggalakkan, memudahkan dan menjalankan pembangunan ekonomi dan kemasyarakatan di seluruh negara;

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang mengambil alih TEKUN Nasional bertujuan membantu dan menyediakan dana bagi usahawan mikro dan kecil;

Kementerian Kewangan yang bertanggungjawab terhadap Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri bagi memajukan ekonomi rakyat setiap negeri, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia bagi menyediakan dana dan pembiayaan dalam projek-projek keusahawanan, dan UDA Holdings bagi penyediaan premis-premis perniagaan;

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan yang bertanggungjawab terhadap Perbadanan Nasional (PNS) bagi melaksanakan program-program pembangunan francais dan vendor, Bahagian Pembangunan Perniagaan yang bertanggungjawab membangunkan perniagaan dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia berfungsi dalam memantau dan menyelaras program dan aktiviti-aktiviti koperasi;

Kementerian Kerja Raya yang bertanggungjawab terhadap Pusat Khidmat Kontraktor dalam mewujudkan kontraktor Bumiputera berkualiti dan berdaya saing selaras dengan matlamat MPPB; Kementerian Pengajian Tinggi (Universiti Kuala Lumpur dan *Malaysia Japan University*); dan

Jabatan Perdana Menteri yang mengambil alih Lembaga Pelesenan

Kenderaan Perdagangan (LPKP) berfungsi melaksanakan dasar

4

pelesenan kenderaan yang berkesan dalam usaha melahirkan usahawan dalam bidang pengangkutan.

SOALAN NO : 13

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI**

MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN

DARI PAD A : TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA

[PARIT]

TARIKH 24 MAC 2010
SOALAN

Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [Parit] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Hospital Baru Seri Iskandar akan dibina kerana keperluan amat mendesak disebabkan oleh pertambahan penduduk.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan menyedari akan kepentingan dan keperluan dalam membangunkan projek ini. Pembinaan Hospital Baru Seri Iskandar telah dimasukkan sebagai projek baru di bawah RMK-10. Pada masa ini, Kementerian masih menunggu kelulusan dari Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri bagi permohonan projek ini dengan kapasiti sebanyak 76 katil.

Pembinaan hospital adalah di atas tapak seluas 26.82 hektar. Bertujuan antaranya untuk memberikan perkhidmatan kesihatan yang komprehensif untuk sebuah bandar yang baru dibangunkan di bawah Koridor Pembangunan Ekonomi Wilayah Utara (NCER). Hospital ini juga boleh membantu mengurangkan beban kerja di Hospital Raja Perempuan Bainun dan beberapa hospital lain yang berdekatan.

Mr:

SJ.B/(39)

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA **TUAN TONY PUAKIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)**

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH **:** **24.03.2010** **\$OALAKI HO14-**

Tuan Tony Pua Kiam Wee (Petaling Jaya Utara) meminta KEMENTERIAN KEWANQAN menyatakan sama ada Kerajaan akan memerlukan kesemua Kementerian “mendedahkan butiran kontrak perolehan” dan penswastaan, misalnya pembinaan pusat pameran dan konvensyen Matrade yang baru, mengikut seksyen 7.3.2 pelan hala tuju Program Transformasi Kerajaan untuk “mengurangkan ketirisan dana dalam perolehan Kerajaan”.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Pembinaan Pusat Pameran dan Konvensyen MATRADE adalah merupakan projek penswastaan iaitu di bawah kuasa Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri. Kementerian Kewangan adalah bertanggung jawab ke atas hal berkaitan perolehan kerajaan.

2. Sebagai makluman, selaras dengan peraturan perolehan kerajaan yang berkuat kuasa, setiap Agensi dikehendaki mempamerkan keputusan muktamad Lembaga Perolehan Agensi berkaitan tender perolehan kerajaan di papan kenyataan Jabatan serta disiarkan di laman web agensi masing-masing dan pautan (*ihyperlink*) kepada laman web myGovernment (www.malaysia.gov.my). Ini adalah selaras dengan peraturan yang ditetapkan di Para 43.4 Surat Pekellling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 mengenai Tatacara Pengurusan Perolehan Kerajaan Secara Tender dan Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 4 November 2009.
3. Selaras dengan usaha Kerajaan untuk meningkatkan lagi tahap ketelusan dalam perolehan kerajaan, Kementerian Kewangan sedang membangunkan satu portal khusus sebagai pusat maklumat perolehan Kerajaan. Semasa Majlis Jamuan Teh Perdana Menteri bersama rakan Internet 1 Malaysia di kediaman rasmi beliau, Seri Perdana pada 13 Mac yang lepas, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa

portal tersebut dijangka akan dilancarkan tidak lama lagi. Antara maklumat yang akan dipaparkan dalam portal tersebut adalah kenyataan iklan tender oleh Agensi serta senarai keputusan tender Agensi.

SOALAN NO: 15

PARLIMEN MALAYSIA
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAA **JAWAB LISAN**
N DARI PAD A **Dato' Mohd Jidin bin Shafee [Setiu]**
TARIKH **24 Mac 2010 (RABU)**
SOALAN **Dato' Mohd Jidin bin Shafee [Setiu] minta MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

menyatakan :-

jumlah sebenar golongan petani terkini di negara ini dan sumbangan mereka terhadap keperluan hasil tani serta apakah bentuk sokongan bantuan yang diberikan oleh Kerajaan kepada mereka dan adakah semua petani ini berdaftar dalam "e-Kasih".

JAWAPAN **Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI**

Tuan Yang Dipertua,

Petani di Malaysia yang terlibat dalam pengeluaran makanan merangkumi pengusaha tanaman seperti padi, sayur-sayuran, buah-buahan, tanaman kontan dan tanaman-tanaman lain serta penternak, penternak ikan dan nelayan. Jumlah keseluruhan petani, penternak dan nelayan di Malaysia adalah seramai 958,724 iaitu 615,450 orang petani (64.2%), 202,688 orang penternak(21.1%), 30,815 penternak ikan (3.1%) dan 109,771 orang nelayan (11.5%).

Pada 2009, sumbangan oleh para petani dalam pengeluaran agromakanan merangkumi padi, buah-buahan, sayur-sayuran dan tanaman kontan, rempah ratus dan herba, tanaman industri, ternakan dan perikanan. Pengeluaran sehingga tahun 2009 adalah sebanyak 9,025,645 tan metrik bernilai RM23.10 bilion dimana sebanyak 5,819,105 tan metrik bagi sektor tanaman bernilai RM5.4 bilion, 1,461,540

tan metrik bagi sektor ternakan bernilai RM10.2 bilion dan 1,461,540 tan metrik bagi sektor perikanan bernilai RM7.36 bilion.

Kerajaan sentiasa memberi bantuan dan sokongan melalui Jabatan/Agensi di bawah Kementerian kepada para petani, penternak dan nelayan bagi melaksanakan aktiviti pertanian. Bentuk bantuan yang diberi adalah:

- i) bantuan input dan prasarana pada kadar tertentu mengikut projek yang dilaksanakan merangkumi pembersihan kawasan, pembinaan infrastruktur asas seperti jalan ladang, kemudahan kejenteraan, sistem pengairan dan saliran, input pertanian seperti baja dan benih serta kemudahan air dan elektrik. Sebagai contoh, bagi projek pemulihan dusun sebanyak RM5,000/hektar disediakan bagi penggantian klon berkualiti, sulaman dan cantasan, sistem pengairan, perparitan, benih, baja dan pagar;
- ii) ternakan, pembangunan plot kawasan rumput bagi sumber makanan ternakan, bantuan peralatan seperti mesin memproses rumput dan sisa ladang untuk dijadikan makanan ternakan serta latihan dalam bidang penternakan;
- iii) pelbagai insentif alatan diberikan kepada nelayan. Bantuan ini adalah untuk membayai kos pembelian perkakas/peralatan penangkapan ikan bernilai tidak melebihi RM12,000.00 seorang. Jenis peralatan/perkakas yang diberikan di bawah program ini merangkumi pukat/jaring, enjin sangkut, kotak ikan berinsulasi, penghela pukat, *echo sounder*, sampan/bot FRP, dan baik pulih kulit bot;
- iv) Bantuan khidmat nasihat dan perkhidmatan teknikal dan klinikal serta kepada petani dan penternak dalam usaha meningkatkan daya saing; dan
- v) pinjaman mudah maksima RM25,000 setiap pemohon yang layak di bawah Program Pembangunan Usahawan Peladang (PUP), Lembaga

Pertubuhan Peladang. Pada tahun 2009 dari jumlah RM7.0 juta yang diperuntukan kepada seramai 377 orang usahawan dalam pelbagai sektor pertanian sebanyak RM3.5 juta diberi dalam bentuk geran dan RM3.5 juta secara pinjaman.

Tidak semua petani berdaftar didaftarkan di bawah e-Kasih. Walau bagaimanapun, pada tahun 2009 terdapat seramai 2,449 petani yang dikategorikan di bawah miskin tegar, miskin dan mudah miskin di 34 kawasan parlimen terpilih mendapat bantuan di bawah program pembasmian kemiskinan Kementerian. Bagi tahun 2010, 4,000 peserta iaitu 3,000 di bawah kategori miskin tegar dan 1,000 di bawah kategori miskin di 61 kawasan Parlimen disasarkan untuk mendapat faedah daripada program peningkatan pendapatan ini. Tujuan program ini dilaksanakan adalah untuk:

- i) membantu rakyat mempertingkatkan pendapatan dalam bidang pertanian, penternakan, perikanan dan penghasilan produk industri asas tani;
- ii) memberikan sokongan kepada hasrat Kerajaan mencapai miskin tegar 0% dan kemiskinan sebanyak 2.8% pada tahun 2010; dan
- iii) mengeluarkan peserta dari garis kemiskinan dan memutihkan mereka dari senarai e-kasih.

Bantuan yang diberi ialah dalam bentuk sara diri, projek ekonomi, dividen dan latihan.

Soalan No : /b

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD RAML1
(KUALA KRAI)
TARIKH : 24.03.2010
SOALAN:

Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI [KUALA KRAI] minta Menteri Pelajaran menyatakan

- (a) sama ada skim bantuan tuisyen benar-benar ditarik balik; dan
- (b) sama ada peruntukan untuk makanan asrama benar-benar dikurangkan sehingga pelajar perlu balik ke rumah dihujung minggu kerana makanan asrama tidak disediakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Oleh kerana kekangan kewangan yang dihadapi oleh Kerajaan pada masa ini, Program Skim Bantuan Tuisyen (SBT) bagi tahun 2010, dijangka akan diteruskan mulai buian April 2010; dan
- (b) Kerajaan tidak mengurangkan peruntukan Bantuan Makanan Asrama (BMA) tahun 2010 kepada murid-murid di sekolah. Walau bagaimanapun, bagi tujuan penjimatan, pihak sekolah diminta untuk mengenal pasti bilangan sebenar penghuni asrama yang masih tinggal di asrama pada cuti hujung minggu dan cuti umum bagi tujuan pesanan makanan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tuntutan BMA pada tahun 2010 ialah untuk tempoh maksimum 240 hari. Sebagai permulaan, sekolah sudah diberi peruntukan berasaskan perkiraan 200 hari dengan jumlah penghuni asrama maksimum. Sekolah juga boleh menggunakan baki peruntukan tahun sebelum ini untuk menampung kekurangan peruntukan. Sekiranya masih tidak mencukupi, peruntukan tambahan akan disalurkan kepada sekolah-sekolah yang berkenaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAPAN LISAN

DARIPADA :

Y.B.DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED

[PULAI]

NO. SOALAN : 17

TARIKH 24 MAC 2010

SOALAN:

Y.B. Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai] minta PERDANA MENTERI Sebab-sebab mengapa negara kita ketinggalan dari segi pembangunan ekonomi terkini berbanding dengan negara jiran dari segi penarikan pelaburan asing, syarikat teknologi tinggi dan pekerja berbakat dan implikasi kepada pelaksanaan model ekonomi baru yang bakal dilaksanakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 1970 hingga 1997 Malaysia tidak menghadapi masalah dalam menarik pelaburan asing langsung sebagai sumber pelaburan untuk menggiatkan pertumbuhan ekonomi negara. Tumpuan utama pelaburan di waktu itu ialah dalam sektor pembuatan dan pembangunan infrastruktur bagi projek penswastaan sejak pertengahan 1980an. Malah ketika itu jumlah pelaburan swasta kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) kekal tinggi iaitu melebihi 25%. Walau bagaimanapun, selepas krisis kewangan Asia 1997/98, Kerajaan telah memberi lebih tumpuan kepada pelaburan langsung asing dan pelaburan tempatan yang berkualiti terutamanya dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi. Pelaburan sedemikian tidak memerlukan nisbah pelaburan kepada KDNK yang begitu besar bagi menjana pertumbuhan ekonomi berbanding pelaburan pada 1980an dan 1990an.

Kerajaan sedar bahawa pada masa ini negara menghadapi persaingan sengit untuk menarik pelaburan asing terutama persaingan dari negara-negara serantau seperti China, India, dan Vietnam. Selain daripada langkah-langkah untuk meningkat sistem penyampaian sektor awam yang dipelopori oleh PEMUDAH dan

liberasi pelaburan dalam 27 subsektor perkhidmatan yang telah di perkenalkan pada tahun 2009, beberapa langkah agresif dan inovatif akan segera diambil bagi menambat dan meningkatkan semula pelaburan asing ke Malaysia termasuk meningkatkan pelaburan swasta tempatan.

Antara langkah yang akan diberi penekanan dalam model ekonomi baru dan Rancangan Malaysia Kesepuluh termasuklah:

- i. Menambahbaik lagi persekitaran mesra perniagaan melalui usaha-usaha untuk mengurangkan kos perniagaan seperti penyediaan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi yang lebih baik, menangani rasuah dan mengurangkan kadar jenayah;
- ii. Memperkenalkan Akta Persaingan yang dijangka dapat mewujudkan persekitaran yang lebih telus bagi mengalakkan persaingan berdasarkan kualiti, nilai dan inovasi;
- iii. Menambahbaik kualiti tenaga kerja yang lebih mahir, kreatif dan inovatif serta memenuhi kehendak pasaran; dan
- iv. mempergiatkan lagi aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan inovasi serta beralih kepada ekonomi berdasarkan pengetahuan dengan lebih pantas.

Soalan No : (£

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B, TUANMOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI
(BAGAN SERAI)

TARIKH : 24.03.2010

SOALAN:

Y.B. TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI [BAGAN SERAI] minta Menteri Pelajaran menyatakan

- (a) berapakah subsidi bayaran makanan untuk setiap pelajar asrama sehari dan benarkah subsidi tersebut hanya dibayar untuk 200 hari sahaja dari hari persekolahan 255 hari; dan
- (b) kenapa pihak asrama sekolah mengarahkan semua pelajarnya meninggalkan asrama setiap hujung minggu.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Subsidi bayaran makanan untuk setiap murid yang tinggal di asrama bergantung kepada harga kontrak Bekalan Makanan Bermasak (BMB) di setiap sekolah setelah ditolak Yuran Makan Asrama (YMA) yang dibayar oleh murid. Untuk tahun 2010, subsidi ini dibayar bagi tempoh maksimum 240 hari; dan
- (b) Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) tidak pernah mengeluarkan sebarang arahan kepada mana-mana sekolah meminta penghuni asrama untuk pulang pada cuti hujung minggu atau cuti umum. Walau bagaimanapun, bagi tujuan penjimatan, pihak sekolah diminta untuk

mengenalpasti bilangan sebenar penghuni asrama yang masih tinggal di asrama pada cuti hujung minggu dan cuti umum bagi tujuan pesanan makanan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tuntutan BMA pada tahun 2010 ialah untuk tempoh maksimum 240 hari. Sebagai permuiaan, sekolah sudah diberi peruntukan berdasarkan perkiraan 200 hari dengan jumlah maksimum penghuni asrama. Sekolah juga boleh menggunakan baki peruntukan tahun sebelum ini untuk menampung kekurangan peruntukan. Sekiranya masih tidak mencukupi, peruntukan tambahan akan disalurkan kepada sekolah-sekolah yang berkenaan.

SOALAN19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

TUAN TENG BOON SOON [TEBRAU]

24 MAC 2010

DARI PADA Meminta MENTERI

PELANCONGAN menyatakan: TARIKH

SOALAN apakah rancangan proaktif di peringkat negeri dan peringkat kebangsaan untuk meningkatkan daya persaingan industri pelancongan negara. Adakah satu (master) pelan induk industri pelancongan negara telah disediakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia telah mencapai pertumbuhan yang positif bagi jumlah kedatangan pelancong bagi tahun 2009 dengan peningkatan sebanyak 7.2% iaitu 23 juta orang berbanding 22 juta pada tahun 2008. Selain itu, Lonely Planet juga telah menyenaraikan Malaysia di antara 10 Destinasi ‘Top-of The-Mind’ bagi destinasi pelancong di dunia. *United Nations World Tourism Organization (UNWTO)* pula melaporkan bahawa Malaysia adalah di antara tujuh negara di dunia yang telah mencatatkan pertumbuhan positif bagi tahun 2009. Pada tahun 2010, Kementerian Pelancongan telah mensasarkan ketibaan seramai 24 juta pelancong asing ke Malaysia.

Sehubungan itu, Kementerian Pelancongan dan Tourism Malaysia telah dan sedang mengambil beberapa langkah baru di peringkat negeri dan peringkat kebangsaan bagi memaju dan meningkatkan daya saingan industri pelancongan negara. Langkah-langkah ini meliputi industri pelancongan di peringkat negeri dan Kebangsaan seperti yang berikut:

Memperkenalkan beberapa acara pelancongan baru seperti

Malaysia International Shoe Festival, Contemporary Arts Malaysia, Fabulous Food 1 Malaysia; West Side Story the Musical, Pesta Tarian Cuti-Cuti 1 Malaysia sebagai daya tarikan baru;

Melancarkan kempen 'Clean and Green Tourism' bagi meningkatkan tahap kebersihan di semua kawasan pelancongan dan menggalakkan pengusaha-pengusaha pelancongan terutama di industri perhotelan untuk mengamalkan kaedah operasi yang mesra alam dan mendapatkan akreditasi produk eko-pelancongan;

Melaksanakan program promosi homestay secara e-pemasaran bagi menarik lebih ramai pelancong ke perkampungan homestay;

Melaksanakan pelancongan rel dengan kerjasama KTMB Berhad (Kereta Api Tanah Melayu Berhad) bagi mempromosikan daya tarikan yang terdapat di seluruh negara terutama perkampungan homestay yang mudah dicapai melalui jaringan perhubungan kereta api sedia ada; dan

- **Bagi meningkatkan imej perkhidmatan teksi di negara**

ini, sebanyak 100 buah teksi telah dibalut dengan gambar-gambar destinasi pelancongan negara di mana para pelancong akan digalakkan untuk menggunakan perkhidmatan teksi-teksi ini di mana para pemandu teksi berkenaan akan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada para pelanggannya.

Bagi tujuan promosi di pasaran global, langkah-langkah berikut telah dan sedang diambil seperti berikut:

- Memberi fokus kepada produk *niche* dan produk baru seperti G3A (*Golden Third Age*), SOL / SOM (*Sophisticated Office Ladies / Sophisticated Office Men*), *Contemporary Arts, Parks and Gardens*, etc bagi menarik segmen pasaran baru;
- Memberi tumpuan kepada program promosi di pasaran serantau khususnya di negara jiran termasuklah di Indonesia dan Singapura serta *emerging markets* seperti China, India dan Timur Tengah. Ini merupakan kelangsungan yang dipupuk daripada kesedaran dan minat yang tinggi hasil daripada Kempen Tahun Melawat Malaysia;

- Memfokuskan kepada produk minat khas termasuklah program Malaysia Rumah Keduaku, Meetings, Incentives, Conventions and Exhibitions (**MICE**), program homestay, pelancongan warisan dan budaya, pelancongan kesihatan dan ekopelancongan bagi menarik lebih ramai pelancong;
- Mengamalkan media baru dalam mempromosikan daya tarikan negara seperti melalui *Facebook*, *Twitter*, *Blogs*, dan sebagainya;
- Meningkatkan kemudahsampaian melalui jalan udara, laut dan darat yang memberi kemudahan kepada para pelancong dari negara-negara serantau untuk melancong ke negara ini; dan
- Mempergiatkan usaha bersama-sama Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Imigresen Malaysia bagi mempermudah permohonan visa bagi pasarari China dan India.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan telah menyediakan Dasar Pelancongan Negara pada tahun 2003 untuk dijadikan

panduan bagi pembangunan bagi industri pelancongan negara. Dasar Pelancongan Negara ini akan dikaji semula bagi menentukan hala tuju dan tumpuan pembangunan industri pelancongan di bawah RMKe-10 agar ia dapat terus peranan yang utama sebagai sumber pertumbuhan ekonomi negara.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARI PADA : TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM

[KUALA KEDAH]

TARIKH : 24 MAC 2010

SOALAN

Tuan Haji Ahmad bin Kasim [Kuala Kedah] minta **MENTERI SUMBER**

ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan perancangan Kementerian untuk

membantu membaik pulih

khususnya di muara kuala dalam kawasan Parlimen Kuala Kedah yang

semakin terhakis dari ombak terutamanya di musim tengkujuh yang

telah menjaskan pendapatan nelayan pantai.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kawasan pantai dalam Parlimen Kuala Kedah dianggarkan sepanjang 20km iaitu, dari Kuar Jawa ke Kuala Kangkong. Terdapat beberapa muara sungai yang menjadi pengkalan nelayan seperti Kuar Jawa, Kuala Kedah, Alor Ibus, Alor Batak, Tebengau dan Kuala Kangkong.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Kedah telah melaksanakan kerja-kerja meninggikan tebing di Kuala Tebengau pada tahun 2006 dan di Kg. Alor Ibus pada tahun 2007 melibatkan kos projek sebanyak RM 140,670.00.

Selain itu, projek mendalam muara Sungai Kedah sepanjang 2.5 km melibatkan kos RM3.2 juta juga telah dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani pada tahun 2008.

Bagi membantu membaik pulih tebing pantai di kawasan Parlimen Kuala Kedah, pihak JPS telah memohon peruntukan di bawah RMKe-10 untuk melaksanakan projek-projek kawalan hakisan seperti berikut:-

- i) Mencegah hakisan pantai di Kg. Padang Garam (4km); dan**
- ii) Menaiktaraf ban pantai dari Kuala Jerlun ke Kuala Kangkong (10km).**

Sekian, terima kasih

SOALAN NO : 21

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. TUAN ALEXANDER NANTALINGGI [KAPIT]
TARIKH	24 MAC 2010

SOALAN:

Y.B. TUAN ALEXANDER NANTA LINGGI [KAPIT] minta PERDANA MENTERI menyatakan langkah-langkah yang perlu diambil untuk membolehkan Malaysia mencapai tahap "*high income economy*".

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara langkah utama yang sedang dan akan diambil oleh Kerajaan untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi dan maju, termasuklah:

- i) Menggiatkan semula peranan sektor swasta sebagai enjin pertumbuhan ekonomi bagi menyokong pencapaian pertumbuhan Rancangan Malaysia Kesepuluh dengan memberi tumpuan dalam sumber pertumbuhan baru dalam sektor perkhidmatan, pembuatan dan pertanian;
- ii) Meningkatkan produktiviti dan inovasi melalui peningkatan aktiviti penyelidikan dan pembangunan mengikut keperluan pasaran (R&D&C). Sehubungan ini, Kerajaan akan menyediakan ekosistem dan infrastruktur yang menyokong K-Ekonomi seperti modal teroka;
- iii) Memperkasa modal insan terutama meningkatkan kualiti pendidikan dan memperkasa latihan kemahiran di samping menambahbaik keupayaan dan kemahiran yang sedia ada; dan
- iv) Meningkatkan peranan Kerajaan sebagai pemudah cara terutama menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan, mempercepatkan proses kelulusan dan mengkaji semula peraturan dan undang-undang yang menyekat pelaburan swasta.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

SOALAN NO: 22

DARI PADA TUAN GWO-BURNE LOH

[KELANA JAYA]

TARIKH **24 MAC 2010 (RABU)**

SOALAN:

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta MENTERI
PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan aiasan filem
Karaoke tidak mendapat tayangan wajib 14 hari seperti filem-filem tempatan
yang lain.
JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua.

Skim Wajib Tayang bertujuan untuk membantu penerbit-penerbit filem mendapatkan hak dan keistimewaan tayangan selama 14 hari berturut-turut di pawagam yang terpilih.

Bagi filem "Karaoke" terbitan syarikat Tanjung Aru Pictures Sdn. Bhd. pihak Penerbit tidak memohon untuk menayangkan filem tersebut di bawah Skim Wajib Tayang. Justeru, tayangan filem "Karaoke" tersebut tidak terikat dengan mana-mana syarat di bawah Skim tersebut. Tayangan telah dibuat di bawah slot Tayangan Filem Antarabangsa (*International Screening*) untuk penonton am di pawagam Golden Screen Cinema (GSC).

Kementerian ini melalui FINAS telah memberi bantuan pembiayaan di bawah Dana Pembangunan Seni Filem dan Multimedia FINAS berjumlah RM30.000 bagi penyertaan filem ‘Karaoke’ di Festival Filem Cannes Ke 62 (*Directors Fortnight*).

NO. SOALAN: 23

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL (PAYA
BESAR)
TARIKH : 24 MAC 2010

SOALAN:

Y.B. Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta PERDANA
MENTERI menyatakan jumlah sebenar yang telah dibelanjakan di bawah East Coast
Economic Region (ECER) khususnya di Pahang dan apakah kemajuan yang telah dihasilkan
setakat ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi
Pantai Timur (ECERDC) telah mengenalpasti sejumlah 25 program dan projek khusus untuk
negeri Pahang bagi dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia ke-9 (RMKe-9). Projek
dan program tersebut merangkumi sektor pertanian, pembuatan, sosial dan pembangunan
modal insan, pelancongan dan infrastruktur. Bagi tujuan ini, siling sebanyak RM685.95 juta
telah diperuntukkan di bawah RMKe-9 untuk pelaksanaan projek/program tersebut dan
daripada jumlah ini, sebanyak RM38.0 juta telah dibelanjakan setakat 31 Disember 2009.

Walau bagaimanapun, memandangkan sebahagian besar program/ projek akan bermula
pembinaan fizikalnya pada pertengahan tahun ini maka adalah dijangka menjelang
penghujung tahun 2010, sebanyak 95 peratus daripada keseluruhan peruntukan ini akan
dibelanjakan. Dari segi kemajuan, daripada 25 projek yang dicadangkan, hampir
kesemuanya telah mula dilaksanakan dan dalam pelbagai peringkat pelaksanaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI
LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA : PUANHAJAH ZURAIDA BINTI
KAMARUDDIN

SOALAN NO : 24

[AMPANG]

TARIKH

24 MAC 2010

SOALAN

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:

- a) Langkah Kerajaan bagi mendidik dan memberi kesedaran kepada wanita Malaysia tentang langkah pencegahan penyakit-penyakit yang menyerang wanita; dan
- b) Apakah bantuan Kerajaan dalam hal ini bagi membolehkan lebih ramai wanita di Malaysia mudah mendapat rawatan bagi penyakit-penyakit tersebut dalam kos yang berpatutan

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa peka terhadap tahap kesihatan kaum wanita. Dalam era selepas merdeka, peranan dan status kaum wanita di Malaysia telah melalui perubahan yang amat ketara berbanding dengan era sebelumnya. Wanita turut sama aktif menggembungkan tenaga menyumbang ke arah pembangunan negara.

Kerajaan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa memberi keutamaan dalam meningkatkan tahap kesihatan wanita. Peningkatan jangka hayat wanita dari 48.5 tahun pada tahun 1950an kepada 76.5 tahun pada tahun 2008 adalah

antara hasil kejayaan intervensi KKM untuk wanita. Kejayaan Malaysia dalam bidang kesihatan wanita banyak dibantu oleh kepemimpinan yang baik dan sumber manusia yang berupaya merancang, melaksana serta memantau secara berkesan semua inisiatif kesihatan atau yang berkaitan dengannya. Sokongan politik yang kuat turut memastikan pembangunan program-program kesihatan untuk wanita.

Seperti lelaki, wanita juga berhadapan dengan pelbagai masalah kesihatan dan terdedah kepada pelbagai penyakit. Selaras dengan perubahan cara hidup akibat kemajuan teknologi, terdapat perubahan tren penyakit di kalangan wanita iaitu dari penyakit berjangkit kepada penyakit tidak berjangkit seperti penyakit kardiovaskular, diabetes, kanser dan hipertensi yang berkait rapat dengan cara hidup sehari-hari yang tidak sihat.

Menyedari hakikat ini, Kementerian Kesihatan, melalui Kempen Cara Hidup Sihat yang diperkenalkan sejak tahun 1991, sentiasa berusaha untuk mempromosikan cara hidup yang sihat di kalangan rakyat Malaysia. Matlamat kempen ini adalah:-

- Untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan masyarakat Malaysia tentang penyakit-penyakit yang berkaitan dengan cara hidup yang tidak sihat dan
- Untuk menggalakkan mereka mengamalkan amalan dan cara hidup yang mempromosikan kesihatan (*health promoting behaviour*).

Kempen Cara Hidup Sihat telah dilaksanakan dalam 3 fasa; setiap satunya untuk tempoh 6 tahun dengan satu tema setiap tahun. Fasa 1 (1991 - 1996) memberi penekanan kepada meningkatkan kepekaan masyarakat terhadap penyakit akibat cara hidup yang tidak sihat. Fasa 2 (1997 - 2002) memberi tumpuan kepada menggalakkan masyarakat mengamalkan tingkah laku yang dapat mencegah penyakit berkaitan cara hidup. Fasa 3 (2003 - sekarang) yang bertemakan "Sihat Sepanjang Hayat" mengajak rakyat Malaysia untuk membudayakan amalan cara hidup sihat melalui Makan Secara Sihat, Lakukan senaman dan aktiviti fizikal, Pupuk Minda Sihat, Tidak Merokok dan sihat tanpa alkohol.

Di samping itu, program-program yang khusus untuk wanita antaranya Program Kesihatan Payudara, Program Pencegahan Kanser Serviks, Program Perancang Keluarga dan Program Saringan Risiko Kesihatan telah dilaksanakan. Dalam setiap program yang dilaksanakan ini, aspek pendidikan kesihatan untuk meningkatkan kesedaran dan amalan kesihatan sentiasa diberi keutamaan. KKM melaksanakan secara berterusan aktiviti pendidikan kesihatan seperti khidmat nasihat, kaunseling, ceramah, pameran, edaran bahan bercetak, tunjukcara dan perbincangan di klinik, hospital dan di dalam komuniti.

Untuk itu, KKM menggunakan pelbagai pendekatan seperti secara individu, menggunakan media massa, temuseru (*outreach*), melalui pemimpin, badan-badan bukan kerajaan dan organisasi.

Pelaksanaan aktiviti pendidikan dan promosi kesihatan memberikan kesan yang positif. Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan III pada tahun 2006 (*National Health Morbidity Survey III, 2006*) menunjukkan peningkatan kesedaran di kalangan wanita terhadap kesihatan payudara. Peratusan wanita yang melakukan Pemeriksaan Sendiri Payudara (BSE) telah meningkat dari 34.2% (1996) kepada 57.6% (2006). Sementara itu Pemeriksaan Klinikal Payudara juga meningkat dari 31.1 % (1996) kepada 53.5% (2006). Melalui kajian yang sama, kesedaran mengenai pemeriksaan pap smear bagi mencegah kanser serviks juga meningkat dengan peningkatan prevalens wanita yang menjalani pap smears iaitu dari 26% pada tahun 1996 kepada 43% pada tahun 2006. Insidens kanser serviks juga didapati menurun dari 21.5 pada tahun 2002 kepada 16.1 pada tahun 2005 bagi setiap 100,000 populasi.

Bagi membantu pencegahan kanser serviks juga, KKM dalam tempoh terdekat ini akan mula melaksanakan pelalian Human Papilloma Virus (HPV) khusus untuk gadis Tingkatan 1 dan yang berusia 13 tahun pada tahun semasa. Sehubungan itu, promosi kesihatan akan dilaksanakan bagi memberi kesedaran dan pengetahuan kepada kumpulan sasar.

Promosi pencegahan HIV/AIDS dan promosi kesihatan mental juga banyak mensasarkan golongan wanita. Pelan Strategik HIV/AIDS Kebangsaan memberi keutamaan yang khusus bagi mencegah penularan HIV/AIDS di kalangan wanita. Aktiviti promosi kesihatan di pelbagai peringkat telah dijalankan bagi memberi kesedaran dan pengetahuan kepada wanita mengenai punca dan cara mencegah jangkitan HIV/AIDS. Bagi promosi kesihatan mental, antara aspek pendidikan kesihatan yang diberi tumpuan khusus ialah masalah kemurungan di kalangan wanita selepas bersalin atau “*Postnatal Depression*” agar masalah ini tidak berlarutan yang boleh mendatangkan mudarat kepada diri, keluarga dan masyarakat.

Usaha KKM dalam memberi kesedaran dan mendidik wanita mengenai kesihatan mendapat kerjasama yang baik dari pelbagai pihak.

Tuan Yang di-Pertua,

Hari ini, wanita berhadapan dengan berbagai jenis masalah berkaitan kesihatan dan juga terdedah kepada berbagai jenis penyakit. Dengan perubahan dan kemajuan yang dinikmati kini, kita turut menyaksikan satu perubahan tren penyakit dari penyakit berjangkit kepada

penyakit ‘moden’ yang berkait rapat dengan gaya hidup sehari-hari yang tidak sihat.

Masalah obesiti yang kini dialami oleh wanita dewasa mencapai hampir dua kali ganda berbanding kaum lelaki iaitu 17.4% berbanding dengan 10.0% seperti yang dilaporkan dalam Tinjauan Kesihatan & Morbiditi Kebangsaan Ketiga pada tahun 2006. Dengan peningkatan prevalen obesiti, maka tidak hairanlah jika berlaku tren peningkatan dalam penyakit-penyakit tidak berjangkit yang kronik seperti penyakit kardiovaskular, diabetes mellitus dan kanser.

Kanser payudara adalah merupakan kanser yang utama di kalangan wanita di Malaysia, diikuti oleh kanser pangkal rahim. Daftar Kanser Kebangsaan (2003) melaporkan kadar insidens kanser payudara di Malaysia adalah 46.2 bagi setiap 100,000 wanita dan 16.1 bagi setiap 100,000 wanita bagi kanser pangkal rahim. Kementerian Kesihatan Malaysia telah menyediakan pelbagai program bagi untuk wanita di antaranya ialah Program Kesihatan Payudara, Program

Pencegahan Kanser Serviks, Program Perancang Keluarga , Program Saringan Risiko Kesihatan dan yang terbaru Program Pelalian Human Papilloma Virus (HPV) adalah antara program untuk kesihatan wanita yang dilaksanakan di klinik kesihatan dan hospital seluruh Negara.

Sejak tahun 1995 melalui Kempen Cara Hidup Sihat yang bertemakan kanser, KKM sentiasa meningkatkan kesedaran wanita tentang bahaya kanser melalui edaran risalah, poster dan ceramah kesihatan. Mereka juga digalakkan melakukan Pemeriksaan Sendiri Payudara(PSP), Pemeriksaan Klinikal Payudara (PKP) secara berkala. Hasil dari promosi kesihatan yang telah dijalankan *National Health Morbidity Survey III* (NHMS III) pada tahun 2006 telah menunjukkan peningkatan kesedaran di kalangan wanita terhadap kesihatan payudara berbanding *National Health Morbidity Survey III* (NHMS II). Peratusan wanita yang melakukan Pemeriksaan Sendiri Payudara telah meningkat kepada 57.6% dari 34.2%, Pemeriksaan Klinikal Payudara 53.5% dari 31.1% dan mamografi 7.9% dari 7.9%.

Langkah-langkah awal pengesanan kanser payudara adalah dengan melakukan pemeriksaan berikut:

- (a) Pemeriksaan Sendiri Payudara (*Breast Self Examination*) di mana ia merupakan kaedah untuk memberi kesedaran kepada wanita terhadap kesihatan payudara. Wanita-wanita digalakkan untuk melakukan pemeriksaan sendiri payudara pada setiap bulan dan mendapatkan nasihat lanjut di klinik atau hospital berdekatan jika mengesan sebarang masalah.

- (b) Pemeriksaan Klinikal Payudara (*Clinical Breast Examination*) iaitu pemeriksaan payudara yang dilakukan oleh petugas kesihatan secara berkala. Kes-kes yang disyaki akan dirujuk
- (c) oleh pegawai perubatan ke hospital-hospital untuk siasatan lanjut.
- (d) Ujian Saringan Mamografi merupakan kaedah yang paling utama untuk pengesanan awal kanser payudara. Mamografi dapat mengesan kanser

payudara ketika ianya di peringkat *pre-invasive* iaitu *ductal carcinoma in situ (DCIS)*, sama ada terdapat ketulan atau tidak di payudara.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah pun melaksanakan ketiga-tiga kaedah tersebut melalui perkhidmatan di klinik-klinik kesihatan dan hospital serta melalui media massa. Pada masa kini, hospital KKM hanya memberikan perkhidmatan ujian mamografi untuk saringan kanser payudara di kalangan wanita yang berisiko tinggi dan untuk tujuan diagnostik sahaja. Terdapat 29 pusat sedemikian di hospital-hospital kerajaan seluruh negara.

Di samping itu, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga melaksanakan program subsidi ujian mammogram di mana subsidi sebanyak RM50.00 diberikan bagi setiap ujian mammogram yang dijalankan oleh wanita di pusat-pusat mamogram swasta yang berdaftar dengan LPPKN. Tujuan pemberian subsidi ini adalah untuk menggalakkan wanita dalam kategori layak melakukan ujian mamogram bagi pengesanan awal kanser payudara.

Program Saringan Pap Smear Kebangsaan adalah untuk mengesan kanser serviks dimulakan di kemudahan Kementerian Kesihatan Malaysia sejak tahun 1969. Semua Klinik Kesihatan KKM di seluruh Negara ada menawarkan perkhidmatan Pap Smear secara percuma kepada semua wanita yang layak berumur di antara 20 hingga 65 tahun. Wanita disaran untuk menjalani ujian saringan Pap Smear setiap 3 tahun. Pihak swasta dan agensi kerajaan lain juga ada menyediakan perkhidmatan ini. Prevalen wanita yang telah menjalani saringan pap smear telah meningkat dari 26% pada tahun 1996 (NHMS II, 1996) kepada 43% pada tahun 2006 (NHMS III, 2006). Kadar insiden kejadian kanser serviks mengikut umur juga telah berkurangan dari 21.5 pada tahun 2002 kepada 16.1 per 100,000 populasi pada tahun 2005.

Kadar insidens ini boleh dikurangkan lagi sekiranya lebih ramai wanita tampil melakukan ujian pap smear. Sehingga kini, **semua** Klinik Kesihatan KKM di seluruh negara ada menawarkan perkhidmatan saringan pap smear secara **percuma** kepada semua wanita yang berumur di antara 20 hingga 65 tahun yang layak. Kerajaan telah membelanjakan hampir 1.1 juta pada tahun 2008 bagi tujuan saringan pap smear (slaid dan ujian sahaja).

Pada tahun 2010, KKM akan melaksanakan Program Pelalian Human Papilloma Virus (HPV) bagi pencegahan kanser serviks. Pelalian ini akan diberi secara percuma kepada

murid-murid perempuan di tingkatan 1 bagi yang bersekolah dan remaja perempuan berusia 13 tahun pada tahun semasa. Program pelalian ini akan dijalankan melalui perkhidmatan kesihatan. Bagi remaja yang tidak bersekolah, mereka boleh mendapatkan pelalian di klinik kesihatan.

Program perancang keluarga telah dilaksanakan di Malaysia semenjak tahun 1930an. Setelah Akta Perancang Keluarga digazetkan pada tahun 1966, perkhidmatan secara komprehensif telah dijalankan di seluruh Negara. Objektif utama yang hendak dicapai melalui program adalah untuk memastikan kesihatan ibu dan anak adalah di tahap yang optima secara menjarakkan kelahiran. Tujuannya adalah supaya ibu dapat pulih sepenuhnya selepas kelahiran melalui kaedah pil kontraseptif, kondom, suntikan, *intrauterine contraceptive devices* dan *sterilization*. Kaedah yang popular adalah penggunaan pil kontraseptif di mana 74% pelanggan menggunakan kaedah ini.

SOALAN 110.

25 PEMERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : USAN
DARIPADA Y.B. TUAN LIANG TECKMENG
(SIMPANG RENGGAM)

TARIKH : 24 MAC 2010

SOALAN:

Y.B. TUAN LIANG TECK MENG (SIMPANG RENGGAI) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan apakah sebabnya *taque axleiori* untuk perkiraan Berat Dengan Muatan (BDM) lori adalah 10 tan dan bukannya 12 tan seperti yang digunakan di negara lain seperti Singapura.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan warta ^erintah Sekatan Berat Jalan Persekutuan (pindaan tahun 200; I) yang berkuat kuasa pada 24 Julai 2003, had berat muatan maksimum bagi kenderaan satu gandar beroda 4 telah pun dinaikkari dari 10 tan kepada 12 tan. Peningkatan had berat muatan ini dibuat setelah mengambil kira struktur jambatan dan pembetung di jal an-jaisin utama di negara ini yang telah dinaikkan taraf. Sehubungan itu, had beban muatan bagi kenderaan satu gandar 4 roda di Semenanjung Malaysia adalah sama sebagaimana di negara-negara lain, seperti Singapura.

NO. SOALAN:

26 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARI PADA : DATO'RASHID BIN DIN

(MERBOK)

TARIKH 24 MAC 2010

SOALAN :

Dato' Rashid Bin Din (Merbok) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dalam jawapan soalan 23, 24 Nov 2009 di mana tujuan UPP ialah untuk memantau. Apakah tindakan ke atas pegawai dan agensi yang bertanggungjawab di atas penyelewengan seperti perbelanjaan melebihi peruntukan, tidak mengikut skop asal, kemudahan tidak digunakan, (Rujuk laporan Ketua Audit Negara 2008 muka surat 19hingga30).

JAWAPAN :

Tuan Yang DiPertua,

Sebarang bentuk tindakan terhadap pegawai yang bertanggungjawab di atas penyelewengan seperti perbelanjaan melebihi peruntukan, tidak mengikut skop asal, kemudahan tidak digunakan dan bayaran dibuat bagi kerja yang tidak digunakan adalah di bawah tanggungjawab Kementerian/Agensi yang berkenaan. Pegawai- pegawai yang terlibat boleh dikenakan tindakan tatatertib berdasarkan Peraturan- Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993, dikenakan surcaj, dilaporkan kepada polis/Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau tindakan sivil di mahkamah.

Di peringkat Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri, tindakan yang telah diambil terhadap pegawai yang bertanggungjawab adalah

seperti berikut:

2008		
Bayaran Dibuat Bagi Kerja Yang Tidak Dilaksanakan	Dirujuk Kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia;	4 Pegawai
	Tindakan Tatatertib Bukan Dengan Buang Kerja Atau Turun Pangkat;	1 Pegawai
	Tiada Tindakan Tatatertib/Tindakan Sivil Diambil Memandangkan Pegawai Telah Ditamatkan Perkhidmatan/Tidak Melibatkan Kerugian Kepada Kerajaan; dan	1 Pegawai
	Tiada Tindakan Tatatertib Memandangkan Pegawai Telah Meninggal Dunia.	1 Pegawai
Projek Kemudahan Awam Siap Tetapi Tidak Digunakan	Tiada Tindakan Tatatertib/Tindakan Sivil Diambil Memandangkan Pegawai Telah Ditamatkan Perkhidmatan/Tidak Melibatkan Kerugian Kepada Kerajaan; dan	1 Pegawai
	Dirujuk Kepada Jabatan Perkhidmatan Awam Bagi Tujuan Tindakan Tatatertib.	1 Pegawai
Tempoh Siap Kerja Tidak Dapat Ditentukan	Tindakan Tatatertib Bukan Dengan Buang Kerja Atau Turun Pangkat; dan	2 Pegawai
	Tiada Tindakan Tatatertib/Tindakan Sivil Diambil Memandangkan Pegawai Telah Ditamatkan Perkhidmatan/Tidak Melibatkan Kerugian Kepada Kerajaan.	1 Pegawai

Soalan No :

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN **LISAN**
DARIPADA **Y.B. PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI**
 (BATANG SADONG)

TARIKH **24.03.2010**

SOALAN:

ty.B. PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI [BATANG SADONG] minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian akan mengkaji semula cara perlaksanaan pengajaran PPSMI di sekolah-sekolah dalam bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 8 Julai 2009 telah membuat keputusan memansuhkan pelaksanaan Dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) di sekolah-sekolah dan digantikan dengan Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkuuh Bahasa Inggeris (MBMMBI). Dengan pemansuhan dasar PPSMI, sekolah kebangsaan dan sekolah menengah di seluruh negara hendaklah menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar dalam pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik, manakala di SJKC dan' SJKT seluruh negara menggunakan bahasa pengantar masing-masing.

Pelaksanaan Dasar MBMMBI

Walaupun terdapat beberapa rayuan dan desakan supaya dasar PPSMI diteruskan, namun Kerajaan tidak mampu untuk memenuhi semua permintaan pihak, sebaliknya semua pandangan yang disuarakan telah diambil kira dalam perancangan dan pelaksanaan dasar berkenaan. Oleh itu, satu dasar baru yang lebih

komprehensif perlu diwujudkan bagi memastikan penguasaan bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia di semua peringkat persekolahan dapat dipertingkatkan. Justeru, Kementerian telah memutuskan agar dasar tersebut dilaksanakan bermula pada tahun 2012.

Walau bagaimanapun, KPM sedang meneliti kemungkinan untuk melaksanakannya mulai tahun 2011 bagi murid Tahun 1. Namun demikian, perkara ini bergantung kepada beberapa faktor, yang antaranya termasuklah bilangan guru yang meiicukupi, kesediaan kurikulum baru dan buku teks untuk Sains, Matematik dan bahasa Inggeris sekiranya dapat disiapkan pada akhir tahun 2010. Bagi murid Tahun 4, Tingkatan 1 dan Tingkatan 4 pula, pelaksanaan dasar MBMMBI akan bermula pada Tahun 2012 untuk membolehkan Kementerian membuat persiapan yang rapi dengan mengambilkira semua keperluan pengajaran dan pembelajaran disediakan dengan teratur.

Pendekatan Pelaksanaan

i. Soft Landing

Sebagai Kerajaan yang prihatin terhadap implikasi perubahan dasar ini kepada kohort murid yang terlibat dengan pelaksanaan PPSMI sejak Tahun 2003, pendekatan *soft landing* akan dilaksanakan. Pendekatan ini bertujuan untuk memastikan pencapaian akademik murid tersebut tidak terjejas. Untuk tujuan tersebut, pengajaran dan pembelajaran serta peperiksaan akan dilaksanakan dalam dwi bahasa sehingga kohort terakhir PPSMI tamat pada tahun 2015.

//. Memartabatkan Bahasa Malaysia

Selain itu, bagi memartabatkan bahasa Malaysia, KPM akan melaksanakan transformasi kurikulum bahasa Malaysia di sekolah rendah dan menengah dengan memberi fokus kepada penguasaan asas kemahiran berbahasa di kalangan murid melalui pendekatan modular yang bersepada, seimbang dan holistik. Modul yang disediakan meliputi aspek kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis serta penguasaan tatabahasa dan seni bahasa. Usaha ini selaras dengan matlamat kerajaan

dalam inisiatif NKRA atau Bidang Keberhasilan Utama untuk meningkatkan penguasaan literasi dan numerasi.

///. Memperkuuh bahasa Inggeris

Dalam usaha memperkuuh bahasa Inggeris pula, KPM menggariskan beberapa pendekatan, antaranya;

- ' Penambahan masa pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris
- Tranformasi kurikulum Bahasa Inggeris sekolah rendah dan menengah
- Asas berbahasa (*back to basics*)
- Modul *Language Arts*
- Guru: *Contact Time* Berkualiti
- Perkongsian dan jaringan guru
- Meningkatkan kepimpinan sekolah

Kerajaan yakin bahawa pelaksanaan dasar baru ini akan dapat memperkuuh penguasaan bahasa Inggeris yang secara tidak langsung akan meningkatkan keupayaan murid untuk menguasai ilmu termasuklah dalam bidang sains dan teknologi. Dalam masa yang sama juga, bahasa Malaysia dapat dimartabatkan sebagai bahasa rasmi negara dan bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan negara.

SOALAN :20/28
NO

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
LISAN

PERTANYAAN DR. HIEW KING CHEU (KOTA KINABALU)
DARIPADA 24 MAC 2010 (RABU)
TARIKH DR. HIEW KING CHEU minta MENTERI
SOALAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan:

Apakah sebabnya di Kota Belud dan Kota Marudu di Sabah yang mana terdapat lebih daripada 3,000 hektar sawah padi telah musnah disebabkan oleh banjir dan banyak nyawa yang terkorban baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Baru-baru ini kawasan Kota Belud dan Kota Marudu telah dilanda banjir yang teruk akibat curahan hujan yang lebat. Keadaan sungai-sungai yang kini telah menjadi cetek disebabkan pemendapan kelodak/pasir kesan daripada pembangunan di kawasan ini telah mengurangkan kapasiti sungai. Keadaan ini telah menyebabkan air melimpahi tebing dan mengakibatkan banjir. Banjir yang berlaku di Kota Belud telah memusnahkan sawah padi seluas 707.2 hektar. Tiada kehilangan nyawa yang dilaporkan. Bagi kawasan Kota Marudu, banjir yang berlaku telah memusnahkan sawah padi seluas 513.25 hektar. Terdapat kehilangan 2 nyawa yang telah dilaporkan.

Bagi mengatasi masalah yang dihadapi daripada banjir ini, JPS Sabah telah diminta untuk melaksanakan tindakan-tindakan seperti berikut:

- (a) Mengadakan projek tebatan banjir bagi kawasan sawah padi seluas 10,000 hektar di daerah Kota Belud.
- (b) Mendalamkan muara Sg. Abai dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh.
- (c) Kerajaan telah menyediakan Pelan Pengurusan Tadahan Bersepadu Kota Marudu, Pelan Pengurusan Dataran Banjir dan Pelan Induk Saliran Kota Marudu yang mengesyorkan langkah-langkah penyelesaian masalah banjir secara struktur dan bukan struktur.
- (d) Cadangan mendalamkan muara Sg. Kinarom dan Rancangan Mencegah Banjir Dataran Bandau dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN BAGI DEWAN

RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA DATO' HAJI ABD. RAHMAN BIN DAHLAN
[KOTA BELUD]**

TARIKH 24 MAC 2010 (RABU)

SOALAN

Dato' Haji Abd. Rahman bin Dahlan [Kota Belud] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan apakah Kerajaan berhasrat untuk mengharamkan iklan dalam media massa yang tidak memberi maklumat tepat dan betul kepada pengguna.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian menerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa memantau serta memastikan para penyiar swasta mematuhi syarat lesen serta Kod Kandungan berkenaan iklan. SKMM juga sentiasa menekankan keperluan memastikan semua iklan yang disiarkan stesen TV dan radio swasta mendapat kelulusan daripada Kementerian-kementerian yang berkaitan. Ini bagi memastikan iklan-iklan yang ke udara menyiar maklumat-maklumat yang tepat dan betul kepada pengguna. Di samping itu, semua iklan yang disiarkan perlu juga mendapatkan sijil kelulusan dari Lembaga Penapisan Filem (LPF) di bawah Kementerian Dalam Negeri sebelum disiarkan.

Dalam Kod Kandungan terdapat garis panduan khusus berkaitan pengiklanan yang juga menyenaraikan senarai barangan umpamanya, barangan kesihatan hendaklah terlebih dahulu mendapat kelulusan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Pihak SKMM sentiasa bersedia untuk menerima aduan daripada mana-mana pihak berkenaan iklan yang disiarkan di stesen TV swasta dan akan mengambil tindakan penguatkuasaan yang sewajarnya terhadap mana-mana badan penyiar yang tidak mematuhi syarat lesen mahupun menyiar iklan yang tidak mendapat kelulusan-kelulusan yang ditetapkan. Antara tindakan yang boleh diambil termasuklah mengarahkan pihak penyiar untuk memberhentikan penyiaran iklan tersebut dan pendakwaan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588).

SOALAN NO: 31

Selain dari SKMM, Kementerian dan Agensi Kerajaan yang berkaitan juga boleh mengambil tindakan penguatkuasaan jika para penyiar atau pengiklan menyiarakan iklan yang bercanggah dengan undang-undang dan garis panduan di bawah bidang kuasa masing-masing.

Mir: 30

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARIPADA BERITAHUAN	DATO' IBRAHIM BIN ALI 24
PERTANYAAN SOALAN DEWAN	MAC 2010 (RABU) NO.30

Dato' Ibrahim Bin Ali [Pasir Mas] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah bagi mengimbangkan pelajar Bumiputera dan Bukan Bumiputera di IPTA dan juga IPTS di mana IPTA kuota ditentukan 51/49 manakala di peringkat IPTS ianya tidak terkawal dengan menyaksikan tahap pelajar Bumiputera tidak melebihi daripada 15% terutama dalam bidang kritikal di IPTA dan IPTS.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar Kerajaan pada masa kini sememangnya jelas yang mana akses ke Institusi Pengajian Tinggi adalah untuk semua kaum. Semua pelajar yang menepati kelayakan akan mendapat tempat dengan tidak mengambil kira latarbelakang bangsa, agama dan pendapatan keluarga.

Sejak sesi akademik 2002/2003, Dasar Meritokrasi yang menggunakan 90% markah akademik dan 10% markah ko-

kurikulum telah digunakan mengantikan dasar pengambilan mengikut kuota kaum iaitu 55% Bumiputera, 35% Cina dan 10% India dan lain-lain. Peratusan pelajar IPTA terkini mengikut pecahan kaum pada masa kini ialah 77.1% Bumiputera dan 22.9% Bukan Bumiputera.

Bagi IPTS pula, kemasukan adalah berdasarkan kelayakan dan antara faktor bagi pelajar membuat keputusan melanjutkan pelajaran ke IPTS ialah faktor pembiayaan. Walaupun dengan kadar pembiayaan yang tinggi, jumlah Bumiputera di IPTS masih tinggi berbanding Bukan Bumiputera iaitu sejumlah 53.5% bagi Bumiputera dan 46.5% bagi Bukan Bumiputera.

SOALAN (31)

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

LISAN

PERTANYAAN

TARIKH	24 MAC 2010 (RABU)
DARIPADA	Y.B. DATO¹ SRI DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL TOYAD ABDULLAH (MUKAH)

SOALAN

Y.B. DATO' SRI DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL TOYAD ABDULLAH (MUKAH) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan berapakah peruntukan untuk Perumahan Rakyat yang disediakan untuk kawasan Parlimen Mukah khasnya dan Sarawak amnya pada tahun 2010.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam perancangan Rancangan Malaysia ke-10 (RMk-10) yang akan bermula pada tahun 2011, sebanyak 150 unit rumah Program Perumahan Rakyat (PPR) Dimiliki dicadangkan untuk dibina di Mukah dengan peruntukan sebanyak RM19.5 juta.

Untuk tempoh Rancangan Malaysia ke-9 (RMk-9) dari 2006 hingga 2010, tiada projek PPR dilaksanakan di kawasan Parlimen Mukah. Namun

begitu, sejumlah 5 projek PPR (3,016 unit) dilaksanakan di seluruh Sarawak dengan melibatkan peruntukan sebanyak RM312.5 juta.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) juga telah meluluskan peruntukan kepada Majlis Daerah Dalat dan Mukah sebanyak RM1.52 juta bagi BP.1 (Projek-projek kecil di Kawasan PBT). Selain itu, KPKT juga telah menyalurkan bantuan dalam bentuk Geran Tahunan sebanyak RM998,982.22 dan bantuan Sumbangan Membantu Kadar (SMK) sebanyak RM161,644.20 kepada PBT tersebut.

Kementerian
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

Mac 2010

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN
KEDUA BELAS (2010)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. Tuan Hj. Ab. Aziz bin Ab. Kadir (Ketereh)

TARIKH : 24 Mac 2010

SOALAN:

Y.B. Tuan Hj. Ab. Aziz bin Ab. Kadir (Ketereh) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah kerajaan akan membentangkan Akta Halal bagi menjamin sepenuhnya kepentingan pengguna Islam dan kemajuan industri halal negara?

JAWAPAN : Y.B. MEJAR JENERAL DATO SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) sedang mengambil langkah untuk menggubal "Akta Halal Halal" sebagaimana ucapan Y.A.B. Perdana Menteri dalam ucapan Bajet 2010 bagi tujuan mengawal selia dan penguatkuasaan pensijilan halal. Untuk tujuan tersebut, JAKIM, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Kepenggunaan dan Koperasi dan Jabatan Peguam Negara telah berbincang dan sedang berusaha secara serius. Selain itu, telah diadakan beberapa siri rundingan dengan Jabatan Agama Islam Negeri/Majlis Agama Islam Negeri bagi mendapatkan input untuk diambil kira dalam penggubalan tersebut. Kerajaan berusaha untuk membentangkan Akta Halal ini di Parlimen pada akhir tahun ini.

NO. SOALAN: 3X

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

Soalan No:33

PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN MATULIDI BIN JUSOH

[DUNGUN]

TARIKH 24 MAC 2010 (RABU)

SOALAN 33

Tuan Matulidi bin Jusoh [Dungun] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) akan memperkenalkan modul Kurikulum Pendidikan Pemandu (KPP) yang baru dalam usaha mengurangkan nahas jalan raya.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sememangnya akan memperkenalkan kurikulum latihan baru yang akan digunakan oleh Institusi Memandu bagi melahirkan bakal-bakal pemandu yang berkualiti dan mengamalkan budaya memandu selamat di jalan raya.

Antara aspek-aspek yang diberi fokus dan penekanan di bawah kurikulum latihan baru adalah menekankan pencapaian hasil pembelajaran (*Learning Outcomes - LO*).

Kaedah baru ini akan menjurus kepada peningkatan pemandu dalam bidang pengetahuan memandu, meningkatkan kemahiran dan sikap / sifat yang positif dan berhemah. Penggubalan ini adalah selaras dengan perkembangan dan kemajuan

drastik dalam industri permotoran dan keadaan jalan raya yang semakin kompleks serta ragam pemandu yang semakin ramai dan pelbagai. Kurikulum ini telah disiapkan dan tertakluk kepada peruntukan dan ianya akan dilaksanakan dalam masa terdekat.

NO. SOALAN :

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA YB TUAN LIM KIT SIANG

[IPOH TIMUR]

TARIKH 24 MAC 2010

SOALAN

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta **PERDANA MENTERI**

menyatakan mengapa Kerajaan enggan menginstitusikan dialog antara agama sepetimana yang diamalkan pada zaman Tunku Abdul Rahman menerusi penubuhan Badan Antara Agama yang membolehkan persefahaman antara agama dikekalkan dan menghapuskan sebarang risiko tercetusnya perselisihan agama yang berlaku pada awal tahun ini.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI MOHAMEP NAZRI ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua.

Pada lawatan YAB Perdana Menteri baru-baru ini ke Arab Saudi beliau telah

menyatakan kesediaan memberikan bantuan sewajarnya sekiranya diperlukan oleh Kerajaan Arab Saudi dalam usaha mereka untuk menganjurkan sesi dialog antara agama. Kesediaan ini memberi gambaran bahawa YAB Perdana Menteri tidak menentang sebarang usaha untuk berdialog isu berkaitan agama.

Walaupun begitu, Kerajaan berpendapat keperluan untuk menginstitusikan dialog ini adalah tidak diperlukan kerana di Malaysia pada ketika ini telah ada sesi dialog anjuran Badan Bukan Kerajaan (NGO). Tujuan utama dialog itu juga adalah untuk merungkai kekeliruan yang timbul dan mengeratkan persefahaman semua pihak.

Sekian, Terima kasih.

NO. SOALAN : 35

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN
DARIPADA**

**LISAN
DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ
(SRI GADING)**

TARIKH

24 MAC 2010 (RABU)

SOALAN

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz (Sri Gading) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rasional cadangan untuk menghapuskan pernyataan bangsa di dalam borang-borang Kerajaan.

JAWAPAN: (oleh YB Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon)

Pihak kerajaan masih mengkaji cadangan untuk mengugurkan ruang untuk maklumat mengenai bangsa, keturunan atau kaum dan suku kaum dalam borang-borang rasmi kerajaan.

Cadangan ini adalah berpandukan semangat gagasan “1 Malaysia” supaya mengutamakan bangsa Malaysia dan mengurangkan perbezaan dan perpisahan mengikut kaum. Dari sudut ini, cadangan ini boleh dianggap bertujuan untuk memupuk perasaan kekitaan atau *sense of togetherness* di kalangan semua kaum di negara ini.

Walau bagaimanapun, beberapa faktor dan keperluan hendaklah diambil kira. Misalnya, maklumat mengenai kaum dan agama seperti yang terkandung dalam “chip” MyKad masih dianggap perlu untuk tujuan perangkaan dan penggunaan dalam keadaan tertentu. Walaupun pada amnya kita boleh mengenalpasti kaum atau agama seseorang dari namanya. Tetapi di kalangan beberapa kaum atau suku kaum yang tertentu di Sabah dan Sarawak, nama tidak begitu jelas menunjukkan latarbelakang yang sering menimbulkan kekeliruan.

Di samping itu, ada kemungkinan terdapat individu tertentu masih mengekalkan nama asal walaupun telah bertukar agama. Maklumat ini diperlukan terutama sekali apabila berlaku kematian dan

NO. SOALAN : 36

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

sebagainya.

SULIT

NO SOALAN : 36

PERTANYAAN : LISAN

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
DARIPADA Y.B TUAN MOHAMED AZMIN
BIN ALI
(GOMBAK)**

TARIKH **24.03.2010**
(SELASA)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan negara-negara manakah yang terlibat dalam usaha membeli maklumat pertahanan negara. Apakah tindakan yang telah diambil terhadap individu yang terlibat menjual dan membeli maklumat pertahanan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua.

Kegiatan mendapatkan maklumat ketenteraan secara salah oleh operatif perisikan dari sebuah kedutaan asing di Kuala Lumpur dengan menjadikan warga Kementerian Pertahanan sebagai sasaran telah dikesan oleh Bahagian Staf Perisikan Pertahanan (BSPP) melalui penyiasatan risik balas yang dilaksanakan sejak tahun 2009. Operasi susulan BSPP seterusnya (*turnover operation*) telah membolehkan kegiatan penyuluhan ataupun *espionage* tersebut dapat dipantau dan dikawal oleh BSPP dengan warga Kementerian Pertahanan yang dijadikan sasaran memberikan sepenuh¹ kerjasama untuk membongkar kegiatan tersebut.

SULIT

Kementerian tidak akan mendedahkan individu yang dijadikan sasaran kerana mereka adalah merupakan sumber BSPP yang perlu dilindungi dan identitinya dirahsiakan. Mereka yang terlibat tidak boleh dianggap sebagai pengkhianat kerana beliau sebenarnya telah berkerjasama dengan pihak BSPP untuk membongkar kegiatan penyuluhan ini. Di samping itu, dengan mengambilkira kedudukan hubungan dua-hala yang selesa, maka pihak kedutaan asing yang berkaitan tidak sesuai untuk didedahkan. Dalam konteks ini, hanya tindakan diplomatik diperkirakan supaya kegiatan penyuluhan oleh anggota kedutaan asing berkaitan dihentikan.

Tuan Yang di-Pertua,

Melalui kawalan ke atas sasaran penyuluhan tersebut, BSPP telah menapis dan mengolah maklumat-maklumat yang didedahkan agar ianya tidak melibatkan perkara-perkara sensitif atau apa-apa maklumat yang berkaitan dengan kepentingan strategik ketenteraan negara. Justeru itu, isu pembocoran maklumat ini tidak sama sekali menjaskan tahap keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Isu pembocoran maklumat yang diumumkan secara terbuka tempoh hari adalah bertujuan untuk mengingatkan semua peringkat warga Angkatan Tentera Malayaia (ATM) dan Kementerian Pertahanan bahawa mereka sentiasa terdedah kepada ancaman penyuluhan. Mereka pada dasarnya boleh dijadikan sasaran ancaman penyuluhan oleh badan perisikan

SULIT

asing secara tidak sedar dan kepekaan mereka mengenai kewujudan ancaman tersebut adalah merupakan langkah pencegahan awal.

NO.SOALAN : 37

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN
TARIKH	24 MAC 2010

SOALAN:

Datyk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang cadangan projek pembinaan rumah mangsa banjir Kg. Menggaris, Kinabatangan.

JAWAPAN

YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-pertua,

Cadangan **projek penempatan semula penduduk yang diancam banjir di Kg. Menggaris, Kinabatangan, Sabah telah diluluskan** di atas tapak seluas lapan (8) ekar yang diperuntukkan oleh kerajaan Negeri Sabah. Projek ini melibatkan pembinaan 93 unit rumah teres satu tingkat dengan 4 bilik (3 bilik tidur dan stor), 2 bilik air dengan kemasan biasa. Sebuah surau juga akan dibina di penempatan ini. Syarikat Perumahan Negara Bhd. (SPNB) dipertanggungjawabkan bagi pihak Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan projek ini.

Sekian, terima kasih.

*NW:38***SJ.B/(45)****PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : **TUAN CHONG CHIENG JEN
(BANDAR KUCHING)**

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH : **24.03.2010** SOAUtf V^C>' **3\$**

Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan sama ada Kerajaan berniat memberhentikan segala “*special draw*” dalam tahun 2010. Jika tidak, berapakah cabutan “*special draw*” telah dicadangkan dan diluluskan untuk tahun 2010.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pada waktu ini Kerajaan tidak mempunyai apa-apa rancangan untuk menamatkan cabutan khas (*special draw*) bagi tahun 2010. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah mengambil langkah untuk mengurangkan bilangan hari cabutan khas yang diadakan.

2. Bagi tahun ini, Kerajaan telah meluluskan sebanyak dua puluh (20) hari cabutan khas untuk dijalankan secara serentak oleh semua operator nombor ramalan (NFO) di Semenanjung Malaysia serta

Sabah dan Sarawak. Jumlah ini menunjukkan pengurangan sebanyak tujuh (7) hari atau 25 peratus berbanding cabutan khas pada tahun 2009 yang berjumlah dua puluh tujuh (27) hari.

Soalan No : 3^

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR <u>BIN HAJI SALLEH</u> (KALABAKAN)
TARIKH	24.03.2010

SOALAN:

Y.B. DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH [KALABAKAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapakah masih ada sekolah terus mengenakan pelbagai yuran persekolahan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan Malaysia melalui pembentangan Rang Undang-Undang Perbekalan (2008) yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada 7 September 2007 telah memansuhkan semua Yuran Khas di semua sekolah Kerajaan dan sekolah bantuan Kerajaan berkuatkuasa pada 1 Januari 2008. Yuran Khas yang dimaksudkan adalah Yuran Khas yang dibayar oleh setiap ibu bapa sebanyak RM 4.50 bagi setiap murid sekolah rendah dan RM 9.00 bagi setiap murid sekolah menengah kepada sekolah setiap tahun sebelum ini.

Namun demikian, sekolah sebagai sebuah institusi pendidikan petiu merencana dan melaksanakan beberapa aktiviti penting serta menyediakan beberapa perkhidmatan dan kemudahan tambahan kepada murid-murid. Pelaksanaan perkhidmatan dan kemudahan tambahan ini memerlukan peruntukan tambahan

secara khusus. Selain itu, ibu bapa juga mempunyai peranan untuk turut bersama melaksanakan tanggungjawab membantu sekolah melaksanakan program dan aktiviti tambahan bagi murid-murid dengan membayar bayaran tambahan lain sebagai tanda komitmen terhadap pendidikan anak-anak mereka. Berhubung perkara ini, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 5/2009 bertarikh 26 Oktober 2009.

Surat Pekeliling Ikhtisas tersebut telah menerangkan dengan jelas tentang bayaran tambahan untuk semua murid seperti berikut:-

Jadual 1 : Bayaran Tambahan Mengikut Sekolah (untuk semua murid).

Jadual 2 Bayaran Untuk Murid Yang Tinggal Di Asrama
 Sekolah

Lampiran A Bayaran/ Sumbangan . Persekolahan (bayaran- bayaran yang dibenarkan seperti mana yang diperuntukkan dalam Akta Pendidikan 1996 dan surat siaran yang sedang berkuatkuasa.

Pihak sekolah juga diingatkan supaya berbincang terlebih dahulu bagi mendapatkan persetujuan daripada Persatuan Ibubapa dan Guru (PIBG) dalam menentukan bayaran tambahan tersebut memandangkan sekolah di seluruh negara mempunyai latar belakang yang berlainan. Semua bayaran tambahan yang ditetapkan oleh sekolah termasuk bayaran-bayaran yang dibenarkan di dalam *Lampiran A* hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar Sekolah (Pengarah Pelajaran Negeri) untuk kelulusan. Pendaftar Sekolah pula diminta memastikan sebarang bayaran tambahan yang dikenakan adalah semata-mata berkisar kepada perkhidmatan yang diberikan kepada murid-murid sekolah.

SOALAN NO: 40

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD

TARIKH: 24 MAC 2010

SOALAN:

Y.B. Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan mengapa mengikut laporan Bank Dunia mutakhir, Malaysia hanya mengalami peningkatan gaji sebenar (real wages) hanya ke paras 2.6% di antara tahun 1994 ke 2007. Dengan kata lain, selama 13 tahun gaji mengalami pertumbuhan mendatar (almost flat growth).

PR-1231-L36532

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Laporan bank dunia mutakhir mengenai peningkatan gaji sebenar (real wages) hanya ke paras 2.6 % dalam tempoh 13 tahun adalah berdasarkan peningkatan kos buruh dalam sektor pembuatan. Sektor pembuatan merupakan sektor yang mengalami perubahan yang mana sektor ini telah banyak bertukar daripada industri yang berintensiti buruh kepada industri yang berintensitikan modal.

Selain daripada itu peningkatan gaji sebenar juga banyak dipengaruhi oleh indek harga pengguna, di mana peningkatan dalam kadar gaji akan diikuti oleh kenaikan dalam harga barang pengguna. Peningkatan harga pengguna ini secara

tidak langsung akan mengurangkan gaji sebenar pekerja. Peningkatan harga pengguna menjadi lebih teruk selepas tahun 2004 apabila indek harga pengguna telah mengatasi peningkatan kadar upah.

Kita semua maklum negara Malaysia merupakan sebuah negara yang menjadi tumpuan bagi pekerja-pekerja luar negara. Kemasukan pekerja asing ke negara ini sama ada secara sah atau secara haram menyebabkan lambakan tenaga kerja yang berterusan dan akan terbentuk lebihan penawaran tenaga kerja. Pekerja-pekerja asing yang telah ada di negara ini akan berusaha sedaya mungkin untuk mendapatkan pekerjaan, seterusnya menyebabkan mereka menjadi sebahagian dari statistik pekerja yang mendapat bayaran yang rendah. Faktor sebegini akan menyumbang kepada kos buruh menurun dan akan mempengaruhi statistik peningkatan gaji sebenar dalam tempoh 13 tahun.

Walaubagaimanapun data-data berkaitan dengan peningkatan kadar upah benar di kalangan ahli-ahli Persekutuan Pengilang-Pengilang Malaysia dan Persekutuan Majikan- Majikan Malaysia yang menjalankan bancian berkala setiap tahun di kalangan ahli-ahli mereka bagi tempoh 1994 hingga 2007 menunjukkan kadar peningkatan gaji sebenar adalah 2.06 peratus hingga 5.28 peratus bagi golongan pekerja bukan eksekutif dan 2.30 peratus hingga 5.63 peratus bagi golongan eksekutif, dalam tempoh 1994 hingga 2007 kadar peningkatan purata gaji sebenar bagi ahli-ahli Persekutuan Pengilang Pengilang Malaysia dan Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia adalah pada tahap 4.27 peratus.

m(15 Mac-15 JipriC 10)/has...2.3.10/Tong Chan Onn/L35085

Soalan No:41

PERTANYAAN	PEMBERITAH UAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT BAGI JAWAB LISAN
DARIPADA	TUAN SALLEH BIN KALBI [SILAM]
TARIKH	24 MAC 2010
SOALAN	41
Tuan Salleh bin Kalbi [Silam] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menaik taraf atau membina lapangan terbang yang baru di Lahad Datu memandangkan lapangan terbang tersebut terlalu kecil demi menarik lebih ramai pelancong datang ke daerah pantai timur Sabah di mana pada masa sekarang mengambil masa 2 jam untuk sampai ke Lahad Datu melalui jalan darat.	

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Silam, Kementerian Pengangkutan sentiasa prihatin terhadap sebarang pembangunan infrastruktur bagi menampung permintaan terhadap perkhidmatan udara di sesuatu tempat.

Oleh yang demikian, Kementerian telahpun mengemukakan permohonan projek pembinaan Lapangan Terbang Lahad Datu yang baru di bawah peruntukan

RMKe-

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN

10.

NO. SOALAN : 42
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	YB Tuan Kulasegaran A/L Murugeson
TARIKH	24 MAC 2010
SOALAN Barat)	Tuan Kulasegaran A/L Murugeson (Ipoh minta PERDANA MENTERI menyatakan

- a) apakah fungsi dan peranan Jawatankuasa Agama yang wujud di bawah Jabatan Perpaduan Nasional; dan
b) berapa kaliakah ianya telah bermesyuarat dalam tahun 2009 dan 2010

JAWAPAN : (YB Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon)

Walaupun negara kita adalah lebih aman dan damai berbanding dengan negara-negara majmuk yang lain, tetapi kepelbagaian budaya, agama dan bahasa kadang-kala menimbulkan perbezaan pendapat dan mencetuskan perselisihan serta sentimen perkauman dan agama yang berpotensi menjadi rumit dan menggugat ketenteraman dan kestabilan masyarakat, sekiranya tidak diuruskan dan ditangani dengan baiknya.

Oleh itu, selain daripada sentiasa menegas dan mengutamakan betapa penting dan perlunya persefahaman dan perpaduan dalam konteks kepelbagaian ini, kerajaan memang peka dan berhati-hati menguruskan kemungkinan perselisihan faham dan kesensitifan keagamaan.

Sejak dilantik pada bulan April 2009, saya sebagai menteri yang memegang portfolio perpaduan negara telah mempengerusikan sendiri 12 sesi perbincangan dengan wakil-wakil dari badan-badan keagamaan, sama ada secara berkumpulan, misalnya dengan *Malaysian Consultative Council for Buddhism, Christianity, Hinduism, Sikhism and Taoism* (MCCBCHST), atau dengan badan-badan agama yang tertentu.

Di samping itu, tiga (3) orang pegawai dari pejabat saya (yang berketurunan Melayu, Cina dan India masing-masing) juga sering berhubung dengan para pemimpin dari badan-badan keagamaan, dibantu oleh pegawai-pegawai dari Unit Agama di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN). Hal ehwal mengenai agama juga telah dibincangkan dalam Makmal mengenai 1 Malaysia dan Perpaduan pada bulan Oktober dan November.

Hal ehwal mengenai isu-isu agama pernah juga dibincangkan beberapa kali dalam mesyuarat Jemaah Menteri. Dari masa ke semasa, saya juga berunding secara langsung dengan rakan-rakan saya dalam Jemaah Menteri, khasnya yang bertanggungjawab ke atas hal ehwal undang-undang dan hal ehwal agama Islam, serta dengan pegawai-pegawai kanan dari beberapa jabatan yang berkaitan.

Tajuk-tajuk yang dibincangkan termasuklah masalah-masalah dari perkahwinan campur, pertukaran agama, pembinaan dan pemindahan bangunan-bangunan ibadat, penggunaan istilah-istilah keagamaan, hal ehwal perundangan dan sebagainya. Hasil daripada perbincangan seumpama ini, kita telah dapat membina jambatan persefahaman dan mengurangkan prasangka terhadap isu-isu yang tertentu. Walaubagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa masih terdapat jurang perbezaan mengenai isu-isu tertentu, tetapi perbincangan-perbincangan seumpama ini sekurang-kurangnya dapat mewujudkan perhubungan yang lebih mesra dan meletakkan asas untuk usaha berterusan bagi menguruskan isu-isu itu.

Lanjutan dari usaha-usaha tersebut, kerajaan telah memutuskan pada awal tahun ini untuk melantik YBhg Datuk Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak sebagai Penyelaras Khas untuk mengadakan perbincangan dan pergaulan di antara badan-badan pelbagai agama, tanpa penglibatan mana-mana pemimpin politik yang aktif. Y.Bhg. Datuk Ilani mempunyai hubungan baik dengan para pemimpin agama sejak dahulu.

Susulan dari maklumbalas daripada Datuk Ilani dan para pemimpin agama, Jemaah Menteri telah bersetuju supaya diwujudkan Jawatankuasa untuk Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian antara Agama yang dipengerusikan oleh YBhg Datuk Ilani sendiri. Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) menjadi urusetia bagi jawatankuasa tersebut, dibantu oleh pegawai-pegawai dari pejabat saya.

NO. SOALAN : 43

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

JAWAPAN LISAN Y.B. Datuk Juslie bin Ajirol

PERTANYAA [LIBARAN]
TARIKH
DARIPADA : 24 MAC 2010
SOALAN:

Y.B. Datuk Juslie bin Ajirol [Libaran] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tahap sebenar pembangunan ekonomi Malaysia sekarang sama ada masih bergelut dalam keadaan global ekonomi yang tidak menentu atau sebaliknya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan dua pakej rangsangan ekonomi berjaya menghalang ekonomi Malaysia daripada terjejas teruk kesan dari kemelesetan ekonomi dunia pada tahun 2008 dan 2009. Ekonomi negara telah melonjak kepada pertumbuhan sebanyak 4.5 peratus pada suku keempat tahun 2009 setelah mengalami kejatuhan dalam suku pertama hingga suku ketiga

2009. Sehubungan itu, pertumbuhan bagi keseluruhan 2009 adalah negatif 1.7 peratus berbanding jangkaan sebelumnya di antara negatif 2 hingga negatif 3 peratus.

Beberapa petunjuk ekonomi terkini menunjukkan prestasi yang terus menggalakkan. Umpamanya, Indeks Pengeluaran Perindustrian bagi Januari 2010 telah melonjak kepada 12.7 peratus disumbang terutamanya oleh Indeks Pembuatan meningkat 16.4 peratus dan Indeks Elektrik 19.8 peratus, manakala Indeks Perlombongan telah kembali positif kepada 4.1 peratus. Bagi sektor luar negara, pemulihan ekonomi dunia juga telah memberi kesan positif kepada eksport negara yang meningkat tinggi sebanyak 37.0 peratus bagi bulan Januari

2010, manakala import pula meningkat sebanyak 31.0 peratus. Lebihan imbangan perdagangan adalah sebanyak RM12.9 bilion iaitu tertinggi sejak 12 bulan yang lepas. Kedudukan rizab luar negara pada 25 Februari 2010 berada pada tahap RM331.8 bilion atau ASD96.8 bilion, mampu menanggung 10 bulan import tertangguh atau 4.3 kali hutang jangka pendek. Kadar inflasi bulan Januari pula kekal rendah sebanyak 1.3 peratus.

Tuan Yang di-Pertua,

Dengan mengambil kira prospek ekonomi dunia 2010, khususnya prospek pertumbuhan ekonomi rakan dagangan utama negara yang lebih baik seperti China, Singapura, Amerika Syarikat, Jepun dan Hong Kong, serta langkah-langkah untuk mengiatkan aktiviti ekonomi dalam negeri, Kerajaan telah menyemak semula pertumbuhan ekonomi 2010 kepada 6.0 peratus berbanding 2.5 peratus anggaran sebelumnya. Berdasarkan prestasi petunjuk utama ekonomi yang memberangsangkan serta perlaksanaan strategi Bajet 2010 yang telah dibentangkan di dewan yang mulia ini pada 23 Oktober 2009, Kerajaan yakin pertumbuhan ini boleh dicapai. Antara strategi untuk menyokong pertumbuhan ekonomi pada tahun 2010 adalah:

Memacu negara ke arah ekonomi berpendapatan tinggi dengan memberi tumpuan kepada inisiatif untuk meningkatkan pelaburan swasta melalui penyediaan persekitaran mesra perniagaan, meningkatkan inisiatif projek perkongsian awam-swasta serta pelaksanaan inisiatif penswastaan di samping mempergiatkan lagi kemasukan pelaburan asing;

Memastikan pembangunan holistik dan mampan dengan memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan modal insan berkemahiran tinggi, memantapkan sistem perbankan dan kewangan, pembangunan wilayah koridor serta mempertingkatkan keberkesanan dan kecekapan pengurusan Kerajaan;

Mengutamakan kesejahteraan rakyat terutamanya meningkatkan pendapatan dan taraf hidup rakyat, memperkasakan prasarana luar bandar serta menambahbaik pengangkutan awam sebagaimana terkandung dalam bidang kerberhasilan utama nasional (NKRA).

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN
KEDUA BELAS (2010)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA

**: YB TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN
(KULIM BANDAR BARU)**

TARIKH : 24 MAC 2010 **NO. SOALAN: 4M,**

SOALAN

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta **PERDANA MENTERI menyatakan :-**

- a) apakah langkah yang telah diambil untuk mengajak semula mereka yang telah murtad seperti Hartini bt. Kamaruddin, Nur Aisyah Bukhori, Azlina binti Jailani @ Lina Joy dan Ustazah Kamariah binti Ali kembali kepada Islam; dan
- b) berapakah jumlah mereka yang memohon kepada Mahkamah Syariah, Jabatan Pendaftaran Negara atau lain-lain untuk murtad keluar daripada Islam sejak tahun 2000 hingga kini dan berapa ramai yang telah diluluskan permohonan murtad ini mengikut pecahan negeri dan apakah langkah Kerajaan dalam menanganinya.

JAWAPAN : (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN BAHAROM (B) , MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Dipertua

- a) Kerajaan memandang serius terhadap isu murtad yang berlaku di kalangan umat Islam. Namun, usaha mengembalikan mereka yang telah murtad kepada Islam merupakan usaha yang agak sukar bagi meyakinkan mereka semula tentang kebenaran ajaran Islam. Walau bagaimanapun, usaha memberikan kaunseling dan penerangan telah diberikan oleh pihak - pihak berwajib di Jabatan Agama Islam Negeri / Jabatan Mufti Negeri yang menerima kes -

kes seumpama ini supaya mereka tetap yakin dengan ajaran Islam. Kerajaan juga melalui usaha - usaha yang dijalankan bersama NGO - NGO Islam berusaha mengembalikan keyakinan mereka terhadap agama Islam melalui pertemuan dan perbincangan. Di samping itu, Kerajaan melalui pelbagai agensi yang berkaitan telah melaksanakan sesi penerangan tentang Islam melalui pelbagai kursus, seminar dan bengkel berkaitan akidah dan kefahaman Islam bagi memantapkan lagi usaha mengekang gejala murtad daripada berterusan. Usaha juga dibuat dengan menyebarkan maklumat tentang Islam di media- media cetak, elektronik dan laman sesawang bagi memastikan kefahaman Islam dan kemantapan akidah semakin kukuh di kalangan umat Islam dan dapat menepis ancaman dan gejala murtad. Kerajaan juga sentiasa memantau kes- kes murtad

yang berlaku melalui kajian dan penyelidikan yang dilakukan dari semasa ke semasa bagi membendung gejal ini.

- b) Hingga kini mereka yang memohon untuk keluar Islam (murtad) adalah daripada kalangan saudara baru atau muallaf dan bukannya daripada mereka yang asalnya beragama Islam. Permohonan yang dibuat mereka di mahkamah Syariah adalah permohonan bagi mengisyiharkan bahawa mereka tidak lagi beragama Islam dan bukan permohonan untuk murtad.

Berdasarkan statistik Mahkamah Syariah, bilangan permohonan untuk keluar Islam sejak tahun 200 hingga 2009 adalah sebanyak 578 permohonan. Daripada jumlah itu, 191 permohonan didaftarkan di Sabah, 166 (Negeri Sembilan), 66 (Wilayah Persekutuan), 65 (Selangor), 32 (Perak), 27 (Pulau Pinang), 11 (Melaka), 8 (Johor), 7 (Pahang), 4 (Kedah), 3 (Perlis), 2 (Terengganu) dan 1 permohonan (Sarawak).

Daripada jumlah permohonan di atas, sebanyak 111 permohonan untuk keluar Islam diluluskan Mahkamah Syariah. Ia membabitkan 1 kes pada tahun 2000, 5 kes (2001), 8 kes (2002), 3 kes (2003), 18 kes (2004), 4 kes (2005), 11 kes (2006, 10 kes (2007), 18 kes (2008) dan 33 kes (2009)

Sekian, terima kasih.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

SOALAN NO: 46

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN

[HULU TERENGGANU]

TARIKH : 24 MAC 2010

SOALAN

Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah garis panduan dan langkah-langkah menghapuskan musuh tanaman seperti babi hutan, kera, gajah dan sebagainya.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan sentiasa peka dan prihatin terhadap masalah gangguan hidupan liar termasuk yang melibatkan kerosakan tanaman pertanian.

Pihak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) mempunyai pelan pengurusan dan manual khusus bagi menangani masalah musuh tanaman seperti kera, gajah, babi hutan dan sebagainya. Sungguhpun hidupan liar ini dilindungi di bawah Akta Perlindungan Hidupan Liar, No. 76, 1972, namun apabila ianya menimbulkan gangguan serius kepada manusia, pihak Jabatan PERHILITAN boleh mengambil tindakan yang sewajarnya.

Kaedah dan langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan PERHILITAN untuk mengawal gangguan musuh-musuh tanaman adalah seperti berikut:

i. Tangkap pindah

- Melalui kaedah ini hidupan liar yang terlibat akan ditangkap dengan menggunakan perangkap yang direkabentuk khas atau ianya diburu dan ditembak dengan ubat pelali. Ia kemudiannya dipindahkan ke habitat yang lebih luas dan sesuai.

ii. *Culling*

- Kaedah ini dijalankan terutamanya ke atas hidupan liar yang telah menimbulkan ancaman yang serius atau bilangan populasinya yang telah terlalu banyak dan melebihi kebolehtampungan habitat sedia ada.

iii. Tembak halau

- Kaedah ini kebiasaananya dijalankan di kawasan konflik yang terletak berhampiran dengan kawasan yang berhutan luas dan hidupan liar masih mampu mencari makanan dan perlindungan di kawasan hutan tersebut.

iv. Pemasangan pagar elektrik

- Kaedah ini khusus bagi mengatasi masalah gangguan gajah terutamanya di kawasan perkampungan yang berhampiran dengan kawasan hutan.

Selain daripada tindakan yang diambil oleh pihak Jabatan PERHILITAN, individu yang mempunyai ladang persendirian adalah juga dibenarkan mengambil tindakan menghapuskan musuh tanaman dengan terlebih dahulu memaklumkannya kepada pihak Jabatan PERHILITAN.

Sekian, terima kasih.

NO. AUM : 24
NO. AUP : ^4

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN :	LISAN	
DARIPADA	DATO'NGEH KOO HAM [BERUAS]	
TARIKH	24 MAC	2010
RUJUKAN	2383	

SOALAN:

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah anggota Polis untuk 5 tahun terakhir ini dan juga jumlah kes jenayah yang dilaporkan dalam 5 tahun terakhir ini. Daripada jumlah anggota Polis ini berapakah anggota Polis yang ditempatkan di barisan depan mencegah jenayah iaitu mereka yang terlibat dalam meronda kawasan penangkapan, penyiasatan dan pendakwaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Beruas yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini,
sehingga tahun 2009, jumlah anggota PDRM di seluruh negara adalah
seramai 103,618 orang. Manakala jumlah kes jenayah yang dilaporkan
dari tahun 2005 hingga 2009 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Kes Jenayah
• 2005	157,365
2006	196,780
2007	209,582
2008	211,645
2009	209,417

Tuan Yang Dipertua,

Daripada sejumlah 103,618 anggota PDRM di seluruh negara, bilangan anggota yang terlibat di dalam pencegahan jenayah termasuk dalam penyiasatan dan pendakwaan adalah seperti berikut:

■jllj	Vrento	PERJAWATAN
	Bit/Ronda/Sektor/Cegah Jenayah (Balai polis seluruh negara)	26,637
	Cawangan Jenayah	6,883
	Cawangan Jenayah Komersil	896
	Cawangan Narkotik	3,033
	Cawangan Kereta Peronda (MPV)	7,888
	Pegawai Penyiasat (Jenayah, Trafik, Narkotik, Komersil)	3,010
	Pegawai Pendakwa	194
	JUMLAH	48,541

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

NO. AUM : 37

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI [LEDANG]
TARIKH : 24 MAC 2010
RUJUKAN : 2386

SOALAN:

Ir. Haji Hamim Bin Samuri [Ledang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan setakat mana e-pasport Malaysia versi Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO) mampu mencegah pemalsuan pasport Malaysia dan memperkasa kawalan keselamatan di pintu masuk negara.

JAWAPAN:
Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat dari Ledang yang mengemukakan pertanyaan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, e-Pasport Malaysia versi *International Civil Aviation Organization* (ICAO) telah dilancarkan oleh Kerajaan pada 2 Februari 2010. Anjakan ini dilakukan berdasarkan keanggotaan Malaysia di dalam *International Civil Aviation Organization* (ICAO), sebuah agensi khas di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), yang mengehendaki negara anggotanya mematuhi piawaian dan spesifikasi pasport antarabangsa seperti yang ditetapkan di dalam dokumen piawaian spesifikasi ICAO 9303.

Ahli Yang Berhormat, langkah Kerajaan menaik taraf pasport semasa kepada pasport versi ICAO pastinya untuk mempertingkatkan kawalan keselamatan dokumen perjalanan negara daripada gejala pemalsuan berdasarkan ciri-ciri keselamatan yang komprehensif seperti berikut:

- (i) ia dapat mengekang kes-kes kecurian serta melindungi identiti rakyat Malaysia melalui pengesanan cip versi ICAO. Ciri-ciri cip e-pasport ini ialah *write once, read many* yang mana menyukarkan pasport Malaysia dipalsukan untuk digunakan oleh orang lain dengan meminda/mengganti maklumat pada biodata untuk masuk ke Negara ketiga. Ini adalah kerana maklumat yang akan dibaca pada

cip adalah berbeza dengan pembawa pasport (pemalsu). Ini membolehkan pemalsuan dikesan serta merta berbanding sebelum ini di mana cip paspot Malaysia tidak boleh dibaca di Negara-negara lain.

- (ii) mempunyai elemen mikrocip yang mengandungi maklumat biografik dan biometrik pemilik pasport. Mikrocip ini mempunyai ciri-ciri keselamatan data kekal yang tidak boleh ditiru atau disalahgunakan;
- (iii) e-pasport diiktiraf di peringkat antarabangsa dan menjadi saling kendali (*interoperability*) di pintu-pintu masuk negara yang memenuhi piawaian yang sama. Justeru, proses kawalan imigresen yang mencakupi semakan, pengesahan dan verifikasi e-pasport pelawat di pintu-pintu masuk negara akan menjadi lebih efektif;
- (iv) e-pasport merupakan gabungan dua teknologi iaitu biometrik dan *Radio Frequency Identification (RFID)*. Teknologi ini mampu mengurangkan gejala penipuan, pemalsuan dan kecurian pasport; dan
- (v) e-pasport tidak mudah dipalsukan berdasarkan ciri-ciri perlindungan keselamatan yang bertingkat. Ia juga dilengkapi dengan ciri pengesahan yang terbuka (*overt*) dan tersembunyi (*covert*) dari mata kasar atau menggunakan peralatan khas. e-pasport juga

mempunyai ciri-ciri *anti tampering* bagi melindungi pasport daripada dicerobohi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab; dan

- (vi) pasport Malaysia yang dipalsukan lazimnya bukan digunakan untuk keluar/masuk di pintu-pintu masuk di Malaysia. Ini adalah kerana pegawai-pegawai imigresen dengan mudah dapat mengesan pasport Malaysia yang palsu.

Pengeluaran Pasport Malaysia versi ICAO membuktikan usaha Kerajaan untuk sentiasa mempertingkatkan dan memperkemaskan kawalan keselamatan dokumen perjalanan bagi mengawal penyalahgunaan dan penyelewengan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab di samping memelihara integriti dan imej dokumen perjalanan negara agar terus kekal diiktiraf. Di samping itu, peningkatan ciri-ciri keselamatan ini dijamin dapat melindungi identiti rakyat Malaysia tanpa menaikkan sebarang kos oleh Kerajaan.

SOALAN NO. 48

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN JAWAB LISAN

r

DARIPADA

YB PUAN FONG PO KUAN (DAP)

(BATU GAJAH)

ARIKH

24 MAC 2010 (RABU)

SOALAN

YB Puan Fong Po Kuan (DAP) (Batu Gajah) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sejauh mana keseriusan masalah pembuangan bayi dan apakah punca insiden sedemikian berleluasa.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius akan kejadian pembuangan bayi di seluruh negara. Tindakan membuang bayi merupakan satu perlakuan yang tidak bertanggungjawab dan tidak berperikemanusiaan serta merupakan satu masalah sosial yang memerlukan perhatian segenap lapisan masyarakat. Berdasarkan data yang diperolehi daripada Polis DiRaja Malaysia (PDRM) bagi tempoh 2005 hingga 2009 sebanyak 407 kes pembuangan bayi telah dilaporkan. Keseriusan kes pembuangan bayi boleh dilihat berdasarkan peningkatan kes sebanyak 24% dari tahun 2005 ke tahun 2006. Kes pembuangan bayi juga didapati meningkat sebanyak 34% dari tahun 2007 ke tahun 2008.

Berdasarkan kes kanak-kanak yang dirujuk kepada JKM, didapati bahawa status bayi luar nikah merupakan punca utama yang menyebabkan insiden pembuangan bayi berlaku.

Antara punca-punca lain yang dikenalpasti termasuklah:

- (a) perasaan takut dan malu oleh kanak-kanak dan wanita hamil luar nikah kerana tidak mendapat sokongan keluarga mengenai kehamilan mereka;
- (b) perasaan takut dihukum kerana kesalahan kehamilan luar nikah sekiranya masyarakat umum mengetahuinya;
- (c) bayi yang dilahirkan dengan kecacatan menjadi beban kepada keluarga dan tidak diterima sepenuhnya;
- (d) kurang pendidikan dan penghayatan agama menyebabkan wanita hamil luar nikah mengambil jalan mudah tanpa memikirkan akibatnya;
- (e) tiada pengetahuan mengenai khidmat bantuan sokongan yang disediakan bagi kanak-kanak dan wanita hamil luar nikah seperti khidmat kaunseling, perkhidmatan perlindungan untuk diri dan anak yang bakal dilahirkan; dan
- (f) wanita pendatang asing tanpa izin yang hamil takut diusir apabila memohon pertolongan dan bantuan tentang kehamilan mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) belum lagi menjalankan kajian terperinci mengenai masalah pembuangan bayi. Walau bagamanapun, JKM merancang untuk menjalankan kajian mengenai masalah tersebut dalam masa terdekat.

NO. SOALAN: 49

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG

[SIBUTI]

TARIKH 24 MAC 2010

SOALAN

Tuan Haji Ahmad Lai Bin Bujang [Sibuti]minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa banyak projek di bawah RMK-8 dan RMK-9 bagi Negeri Sarawak terutama di kawasan Parlimen Sibuti yang tidak berjaya dilaksanakan seperti balai bomba, klinik dan jambatan-jambatan. Mengapakah masalah tersebut berlaku dan apakah tindakan Kerajaan seterusnya.

JAWAPAN :

Tuan Yang DiPertua,

Di bawah RMK-9, Negeri Sarawak telah diberi peruntukan sebanyak RM17,388,089,559. Sehingga 11 Mac 2010, berdasarkan rekod Sistem Pemantauan Projek II (SPP II), sebanyak 70 projek di Sarawak telah dibatalkan pelaksanaannya pada RMK-8 manakala 896 projek telah disambung pelaksanaan pada RMK-9. Bagi projek-projek di bawah RMK-9, sebanyak 751 (21.7%) projek telah dibatalkan dan 271 (8.2%) projek akan di sambung pada RMK-10. Pecahan projek beserta siling adalah seperti berikut:

RMLT	IIIRII!	SILING (RM)	SAMBUNGAN	SILING (RM)
RMK8	70	184,089,165.00	896	6,047,899,138.56
RMK9	715	4,444,349,144.76	271	4,265,127,057.40
JUMLAH		4,628,438,309.76	1167	10,313,026,195.96

Khusus bagi Parlimen Sibuti, bagi tempoh RMK-8, sebanyak 21 projek tidak berjaya dilaksanakan. Sebanyak 17 projek di bawah RMK8 menjadi projek sambungan, manakala di bawah RMK9 7 projek dibatalkan dan 3 projek disambung ke RMK10.

RMLT	BATAL	SILING (RM)	SAMBUNGAN	SILING (RM)
RMK8	0	-	11	25,964,122.15
RMK9	7	24,740,100.00	3	12,894,160.00
JUMLAH	7	24,740,100.00	14	38,858,282.15

Berdasarkan analisis daripada lawatan-lawatan oleh pihak ICU JPM, tiga punca utama bagi projek-projek yang bermasalah adalah disebabkan oleh kelemahan perancangan oleh pihak Jabatan / Agensi, masalah bekalan bahan binaan dan masalah kewangan. Di samping itu, masalah tapak serta tiada kajian kesesuaian geografi dan bentuk muka bumi terhadap keperluan dan kewajaran sesuatu projek itu dilaksanakan juga menjadi punca kelewatan / kegagalan pelaksanaan projek terutamanya bagi Negeri Sabah dan Sarawak. Justeru, bagi menangani isu pelaksanaan dan menyelamatkan projek bermasalah, Kerajaan telah menetapkan Jawatankuasa Projek Sakit ditubuhkan di setiap Kementerian. Jawatankuasa ini berperanan untuk menangani isu-isu yang timbul dalam pelaksanaan projek dan menentukan penyelesaian yang konstruktif. Antara tindakan yang di ambil oleh pihak Kementerian adalah menamatkan perkhidmatan kontraktor sekiranya kelewatan projek tersebut disebabkan oleh prestasi kontraktor yang lemah. Selain itu, bagi projek-projek yang telah dirancang tetapi tidak dapat disiapkan dalam RMLT semasa, projek-projek ini akan dibawa ke RMLT seterusnya untuk dilaksanakan. Walaubagaimanapun, kelulusan dalam melaksanakan semula projek-projek ini tertakluk kepada kelulusan pembentangan bajet di Parlimen.

SOALAN NO : 50

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN LISAN PUAN CHONG ENG
DARIPADA : [BUKIT MERTAJAM]
TARIKH 24 MAC 2010

SOALAN

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan program pengurangan mudarat ("harm reduction") penggunaan dadah di seluruh negara, apakah bentuk program tersebut, kosnya dan apakah kesan program setakat ini.

Tuan Yang DiPertua,

Kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan Program *Harm Reduction* ke atas penagih dadah suntikan (*Intravenous Drug User - IDU*) sejak tahun 2006 yang bertujuan bagi mengurangkan risiko jangkitan HIV/AIDS serta lain-lain penyakit seperti Hepatitis B dan C, khususnya di kalangan penagih dadah suntikan. Program *Harm Reduction* merangkumi Program Terapi Gantian Metadon (*Methadone Maintenance Therapy-MMT*) dan Program Pertukaran Jarum dan Alat Suntikan (*Needle Syringe Exchange Programme-NSEP*).

Program Terapi Gantian Metadon (MMT) telah dilaksanakan pada Oktober 2005 di fasiliti kerajaan dan klinik swasta. Sehingga Disember 2009, terdapat sejumlah 162 buah pusat perkhidmatan MMT yang terdiri daripada 35 buah hospital kerajaan, 77 klinik kesihatan kerajaan, 14 buah klinik swasta, 24 pusat khidmat Agensi AntiDadah Kebangsaan (AADK) dan 12 buah penjara telah melaksanakan program MMT. Seramai 10,730 orang pesakit (penagih dadah

suntikan) telah mendapatkan rawatan terapi gantian dengan kadar pengekalan pesakit sebanyak 70%.

Program Pertukaran Jarum dan Alat Suntikan (NSEP) pula telah dilaksanakan sejak Februari 2006 dengan komitmen dan kerjasama Kerajaan dan badan bukan kerajaan khususnya Majlis AIDS Malaysia. Sehingga Disember 2009 sebanyak duabelas (12) buah badan bukan kerajaan (NGO) di bawah naungan Majlis AIDS Malaysia telah melaksanakan aktiviti tersebut di 240 lokasi (*site*). Sebanyak 22 buah klinik kesihatan kerajaan turut terlibat melaksanakan aktiviti tersebut. Sehingga akhir Disember 2009, seramai 18,377 orang klien (penagih dadah suntikan) telah mengikuti program ini dengan pencapaian 66% kadar pemulangan jarum dan alat suntikan.

Pengalaman di 71 buah negara yang melaksanakan program *Harm Reduction* telah membuktikan bahawa pendekatan *harm reduction* telah dapat mengurangkan jangkitan HIV di kalangan penagih dadah suntikan (opioid). Di Malaysia, peratus jangkitan HIV di kalangan penagih dadah yang dilaporkan telah menunjukkan penurunan dari 66% pada tahun 2005 kepada 55% pada tahun 2009 berikutan perlaksanaan program harm reduction pada tahun 2006. Kajian *Integrated Bio Behavioural Surveillance* (IBBS) 2009 mendapati peratus amalan berkongsi jarum (semasa menagih) telah menurun kepada 12.7% berbanding 42.1% pada tahun 2004. Dari segi kekerapan berkongsi jarum, peratusan penagih yang berkongsi jarum lebih dari lima (5) kali seminggu juga turut berkurangan dari 15.9% dalam tahun 2004 kepada 2.3% sahaja dalam tahun 2009. Kesedaran dan pengetahuan penagih dadah mengenai HIV/AIDS didapati tinggi dengan 95% daripada penagih dadah tersebut mempunyai pengetahuan mengenai HIV/AIDS. Kesedaran dan perubahan tingkahlaku ini telah membantu dalam mengurangkan penularan jangkitan HIV di kalangan kumpulan sasar ini.

Program *harm reduction* yang dilaksanakan oleh Malaysia turut mendapat pengiktirafan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Seramai 67 orang dari empat negara iaitu Thailand, Iran, Lao PDR dan Indonesia telah melakukan lawatan belajar ke program *harm reduction* di Malaysia yang ditaja oleh WHO.

Tuan Yang Di Pertua,

Berkaitan pertanyaan mengenai kos, sebanyak RM 70 juta telah dibelanjakan untuk melaksanakan aktiviti program *harm reduction* sejak ia mula dilaksanakan pada tahun 2006 sehingga akhir Disember 2009. Pelaksanaan program *Harm Reduction* ini telah mengikut garis panduan yang ditetapkan dengan mengambil kira pandangan pelbagai pihak seperti Polis, AADK, badan-badan bukan kerajaan, Kementerian Kesihatan Malaysia dan lain-lain agensi

- Mb 57

KK/BP(1.10)294/6-73 SJ.B (46)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA, MALAYSIA

DARIPADA

**DATUK IR. HAJI IDRIS BIN HAJI HARON
(TANGGA BATU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH **24.03.2010** **So*tAU ^O: 51**

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah yang dimaksudkan dengan "Goods and Services Tax" (GST), bagaimanakah ia dapat membantu merealisasikan polisi fisikal negara khususnya yang menjurus kepada pencapaian objektif ekonomi bependapatan tinggi.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Cukai Barang dan

Perkhidmatan atau lebih dikenali sebagai *Goods and Services* (GST) adalah merupakan satu bentuk cukai kepenggunaan yang akan dikenakan ke atas barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan di dalam negara serta yang diimport. Cukai ini akan menggantikan cukai jualan dan cukai perkhidmatan yang sedia ada dimana ianya akan dikenakan disetiap peringkat pengagihan dan pengedaran iaitu meliputi peringkat pengeluaran, pengilangan, pemberongan dan sehingga ke peringkat peruncitan.

Pelaksanaan GST sebenarnya adalah untuk menyusun semula sistem percukaian sedia ada supaya menjadi lebih komprehensif, efisien, telus dan mesra perniagaan. GST yang merupakan satu langkah dalam polisi fiskal boleh digunakan sebagai platform untuk mempelbagaikan sumber hasil negara supaya negara tidak terlalu bergantung kepada sumber hasil daripada cukai pendapatan dan petroleum. Negara perlu membuat persediaan jangka panjang bagi menstabilkan kedudukan kewangan negara khususnya dalam usaha untuk mencapai status negara maju yang berpendapatan tinggi sebagai mana yang dihasratkan oleh Kerajaan di bawah model ekonomi baru.

AW;

SJ.B(48)

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	TUAN LOKE SIEW FOOK (RASAH)
PERTANYAAN	LISA
TARIKH	N 24.03.2010

SOBXAU No \$2

Tuan Loke Siew Fook [Rasah] minta KEMENTERIAN KEWANGAN menyatakan apakah agenda pembaharuan yang ingin dibawa dalam Majlis Kewangan Negara untuk memartabatkan kedudukan kewangan di kalangan negeri-negeri dalam Persekutuan Malaysia dan bilakah kadar pemberian mengikut kepala (*capitation grand* dan lain-lain pemberian yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan akan dikaji semula.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, selaras dengan Perkara 108 Perlembagaan Persekutuan, Mesyuarat Majlis Kewangan Negara yang diadakan pada setiap tahun merupakan platform antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri bagi membincangkan perkara berkaitan kewangan dan pembangunan negeri-negeri.

2. Antara perkara yang diberi perhatian ialah menambah baik pemberian Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri. Ini termasuk peluasan kepada pemberian sedia ada atau memperkenalkan pemberian baru yang bertujuan membantu kerajaan Negeri dalam perbelanjaan mengurus dan juga pembangunan.

3. Terbaharu, Mesyuarat Majlis Kewangan Negara pada 25 Ogos 2009 telah

meluluskan Pemberian Geran Tahunan Kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dipanjangkan ke Sabah dan Sarawak mulai tahun 2010. Sebelum ini pemberian geran ini hanya diberikan kepada PBT di Semenanjung sahaja. Ini melibatkan perberanjaan sebanyak RM62,858,766.

4- Selain daripada itu, Kerajaan juga telah bersetuju supaya kadar Bayaran

Perkhidmatan kepada Kerajaan Negeri kerana penglibatan kakitangan Kerajaan Negeri dalam melaksanakan projek-projek Persekutuan di negeri-negeri berkenaan yang dahulunya berjumlah 5% dinaikkan kepada 10% bagi Semenanjung Malaysia dan 12% bagi Sabah dan Sarawak bermula pada tahun

2010. Sebelum ini terdapat pemberian-pemberian baru yang diperkenalkan dalam mesyuarat tahun sebelumnya seperti Pemberian Bayaran Bil Lampu Jalan dan Lampu Isyarat Pihak-pihak Berkuasa Tempatan dan penambahan jumlah Pemberian Pertambahan Hasil dari RM150 juta setahun kepada RM250 juta setahun.

5. Semakan kepada Pemberian-pemberian sedia ada termasuk Pemberian Mengikut Kepala (*Capitation Grant*) akan dibuat dari semasa ke semasa dan sebarang keputusan untuk penambahbaikan akan tertakluk kepada kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan.

Afe; 53

KK/BP(1.10)294/6-73 SJ.B/(43)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

DARIPADA DATO' SERI TENGKU AZLAN IBNI

SULTAN ABU BAKAR (JERANTUT)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 24.03.2010 SoteM4UC \

Dato¹ Seri Tengku Azlan Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar (Jerantut) minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah perlu diadakan KPI terhadap CEO GLC di negara kita memandangkan prestasi mereka tidak begitu menyerlah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, ketua pegawai eksekutif (CEO) dalam Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) sememangnya sudah diberikan sasaran Indeks Prestasi Utama (KPI) yang menjadi petunjuk kepada prestasi mereka setiap tahun.

Berdasarkan prestasi G-20 sejak bermulanya Program Transformasi GLC (GLCT), secara amnya CEO-CEO yang menerajui GLC boleh dianggap berjaya memperbaiki prestasi yang boleh dibanggakan. Antara 14 Mei 2004 hingga 31 Disember 2009, G-20 berjaya mencatatkan Kadar Pertumbuhan Tahunan Terkumpul (CAGR) sebanyak 14.5% dan mengatasi CAGR Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) pada kadar 2.9%.

Untuk tempoh yang sama, pendapatan agregat G-20 yang berada pada tahap RM7.628 bilion pada 2005 melonjak ke tahap RM19.307 bilion pada 2007 sebelum menyederhana kepada RM11.733 bilion pada 2009, akibat krisis ekonomi global.

Berdasarkan pencapaian ini, pendapat yang mengatakan prestasi CEO di GLC tidak begitu menyerlah adalah kurang tepat. Sungguhpun

demikian, sekiranya terbukti CEO-CEO ini gagal menjalankan tugas mereka bersandarkan pertimbangan prestasi, tindakan yang wajar akan diambil terhadap mereka ini.

No. SOALAN: 54

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANAYAN	LISAN
DARIPADA	YB PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR (LEMBAH PANTAI)
TARIKH	24 MAC 2010

SOALAN YB Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- (a) jumlah gaji Pengarah Eksekutif PEMANDU, para pegawai dan juru perunding-juru perunding secara kontrak. Sila nyatakan mengikut jumlah setiap jawatan; dan
- (b) jumlah perbelanjaan program Hala Tuju Transformasi Kerajaan dikelolakan oleh PEMANDU melibatkan 8 makmal dan 200 pegawai Kerajaan yang dilaksanakan dari Oktober hingga November 2009.

JAWAPAN: (YB TAN SRI DR KOH TSU KOON)

Seperti yang sedia maklum, Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan atau *Performance Management and Delivery Unit* (PEMANDU) merupakan jentera baru yang diwujudkan untuk melaksanakan Program Transformasi Kerajaan atau *Government Transformation Programme* (GTP) supaya membawa hasil dan keberkesanan yang berfaedah dan bermakna untuk rakyat jelata dan kumpulan-kumpulan sasaran yang tertentu.

PEMANDU merupakan satu organisasi “hybrid”, iaitu, yang merangkumi para penjawat awam dan para profesional swasta, yang dilantik melalui satu proses pengiklanan, pemilihan dan temuduga yang rapi. Proses

ini adalah untuk menjamin para penjawat PEMANDU mempunyai pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang relevan serta sikap, dedikasi dan ketekunan yang positif. Bersesuaian dengan tugas sebagai jentera untuk menjana, melaksana dan memantau GTP dengan mengutamakan pengurusan prestasi, maka para penjawatnya mestilah berprestasi tinggi.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) PEMANDU yang dilantik ialah YB Senator Dato' Sri Idris Jala yang mempunyai kemahiran yang khusus dan pengalaman yang meluas selepas bertugas di kumpulan Shell dan Malaysia Airlines. Beliau juga dilantik sebagai Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri untuk membolehkan beliau menyertai dalam perbincangan Jemaah Menteri dan untuk menjalankan tugas-tugas lain. Justeru itu, emolumen beliau adalah sama dengan emolumen menteri mengikut jadual yang sedia ada.

Bagi pegawai-pegawai PEMANDU yang lain, emolumen dari segi gaji dan elaun adalah berdasarkan kepada dua (2) aspek pertimbangan. Pertama, skala gaji hendaklah setanding dengan skala gaji eksekutif di syarikat-syarikat korporat dan syarikat-syarikat milikan kerajaan (*government linked companies*) atau GLC. Kedua, gred gaji, pengalaman kerja dan pendapatan dari pekerjaan sebelumnya diambil kira.

Penjawat-penjawat dalam PEMANDU boleh dibahagikan ke dalam empat (4) kategori utama seperti berikut:-

- (a) Enam (6) Pengarah (*Directors*) bagi enam (6) Bidang Keberkesanan Utama Nasional (NKRA), satu untuk Ministerial KRA dan satu lagi untuk komunikasi, dengan emolumen RM 20,000.00 sebulan ke atas.

- (b) Beberapa Pengarah Bersekutu (*Associate Director*) yang bertugas di bawah pengarah-pengarah dengan emolumen RM 11,000.00 sebulan ke atas.
- (c) Pengurus-pengurus Kanan (*senior managers*) dengan emolumen RM 8,000.00 sebulan ke atas.
- (d) Pengurus-pengurus (*managers*) dengan emolumen RM 4,600.00 sebulan ke atas.
- (e) Penjawat sokongan dengan emolumen RM 1,000.00 sebulan ke atas.
Kos logistik dan pentadbiran, termasuk sewaan bilik-bilik mesyuarat, penginapan, makanan dan pengangkutan bagi 8 makmal yang bersidang 10 jam sehari pada hitung panjangnya, 5 hari seminggu selama 6 minggu bagi 250 peserta adalah hampir RM 630,000.00.

Di samping itu, sekumpulan pakarunding (3-6 orang) dilantik bagi setiap makmal untuk membuat persiapan awal mengenai rangka kerja tajuk-tajuk pengurusan yang relevan, memandu perbincangan, membuat rumusan setiap hari, menyediakan bahan-bahan (*slide-slide*) multi-media dan sebagainya. Syarikat-syarikat pakarunding yang bertugas termasuk McKinsey, Ernst & Young, Ethos. Kos bagi setiap kumpulan pakarunding adalah di lingkungan RM 300,000.00 hingga RM 900,000.00 bagi kerja selama 2 hingga 3 bulan. Jumlah kos pakarunding bagi lapan (8) makmal ini adalah di lingkungan RM6.5 juta.

Apa yang perlu ditegaskan ialah sesi lapan (8) makmal secara intensif ini yang dipandu oleh para pakarunding telah membolehkan para penjawat PEMANDU dan peserta mempelajari kaedah pengurusan prestasi ini. Para

penjawat PEMANDU sekarang berkemampuan untuk menjalankan *lab-lab* untuk tajuk-tajuk dan tujuan-tujuan yang lain, kecuali yang memerlukan kepakaran dalam bidang-bidang penghususan yang tertentu, seperti kewangan dan aspek-aspek teknologi, di mana perkhidmatan pakarunding masih diperlukan.

KK/BP(1.10)294/6-73 SJ.B/(37)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MALAYSIA**

DARIPADA	DATO¹ SHAMSUL ANUAR	BIN
	NASARAH (LENGGONG)	
PERTANYAAN : LISAN		
TARIKH	: 24.03.2010 ^OAMKiNC?;	£5"

**Dato¹ Shamsul Anuar bin Nasarah (Lenggong) minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan**

- (a) prestasi dan kedudukan GLC mengikut ranking dan berapakah gaji atau elaun yang diberikan kepada setiap CEO GLC yang ada sekarang; dan
- (b) apakah Kerajaan sedia mengkaji semula kemudahan, elaun dan gaji CEO GLC Kerajaan sekarang kerana sesetengah daripada mereka memiliki pendapatan yang lebih tinggi daripada penjawat jawatan utama sektor awam yang lebih bebanan kerja berbanding mereka.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Program Transformasi Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLCT) telahpun memasuki fasa ketiga dalam program 10 tahun yang bermula dari tahun 2005

hingga 2015. Selari dengan persekitaran ekonomi yang bertambah baik, GLC-GLC dijangka akan mencatatkan prestasi kewangan yang memberansangkan pada tahun kewangan semasa.

Berikut adalah kedudukan GLC terbesar di bawah Khazanah berdasarkan keuntungan seiepas cukai bagi tahun 2008 dan 2009. Untuk makluman, GLC-GLC ini tidak diberikan sebarang penarafan atau 'ranking'.

Bil.	Syarikat	2008 RMMa	2009 RMiuta
i)	Axata Group Bhd	497.98	1,652.68
ii)	CIMB Holdings Bhd	1,952.0	2,806.8
in)	Malaysian Airline System Bhd	244.3	490.2
iv)	Malaysia Airports Holdings Bhd	305.21	377.19
....JEL	Pos Malaysia Bhd	(35.88)	75.41
vi)	Proton Holdings Bhd *	184.55	(301.81)
vii)	Telekom Malaysia Bhd	791.9	643.0
viii)	Tenaga Nasional Bhd	2,594.0	917.9

* Dalam Tahun Kewangan 2010, Proton telah kembali mencatatkan Keuntungan dalam tiga suku tahunan berturut-turut

Dari segi ganjaran yang diberikan kepada Ketua-ketua Pegawai Eksekutif (CEO) GLC-GLC ini pula, ia adalah berdasarkan kepada pengalaman serta kepakaran masing-masing, di samping prestasi yang berjaya mereka capai untuk syarikat. Walau bagaimanapun, CEO GLC-GLC ini, secara kesefuruhananya menerima ganjaran dan pendapatan yang

jauh lebih rendah berbanding rakan sejawatan mereka di syarikat-syarikat swasta yang lain.

Berikut disenaraikan kelompok pendapatan tahunan (termasuk kemudahan) beberapa CEO GLC terpilih di bawah Khazanah berbanding pendapatan CEO syarikat swasta dalam industri yang sama pada tahun 2008, sebagai perbandingan:

Bil.	Industri	Syarikat	Jenis Syarikat	Pendapatan RMJuta
i)	Perbankan	CIMB Holdings Bhd	GLC	5.12
		Public Bank Bhd	Bukan GLC	6.96
H	Utiliti	Tenaga Nasional Bhd	GLC	1.17
)		YTL Corporation Bhd	Bukan GLC	10.10-10,15
Hi	Penerbangan	Malaysian Airlines System Bhd	GLC	1.0-1.5
)		Air Asia	Bukan GLC	1.0-2.0
iv)	Automotif	Proton Holdings Bhd	GLC	0.5-1.0
		Tan Chong Motor	Bukan GLC	4.90-4.95

Jumlah ganjaran yang diberikan kepada CEO GLC adalah setimpal dengan sasaran tinggi yang diberikan kepada mereka terutamanya dalam mencapai KPI serta pelbagai sasaran lain yang ditetapkan. Perbandingan antara CEO GLC-GLC dengan penjawat awam adalah tidak wajar memandangkan GLC-GLC ini merupakan syarikat swasta yang memiliki objektif komersial selain daripada mendukung objektif sosial yang ditetapkan oleh Kerajaan. Perbandingan yang lebih wajar adalah dengan syarikat-syarikat swasta yang lain, yang mana CEO-CEO ini secara keseluruhannya ketinggalan daripada segi ganjaran dan pendapatan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B.
DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN
[PETALING JAYA SELATAN]
TARIKH 24 MAC 2010
SOALAN

Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan) minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan

- a) apakah pertimbangan Kerajaan dengan memendekkan tempoh perkhidmatan wajib doktor di hospital Kerajaan hanya empat tahun boleh memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan memuaskan kepada rakyat; dan
 - b) berapakah pertambahan bilangan doktor yang akan dihasilkan jika cadangan tersebut dilaksanakan demi mengatasi kekurangannya di hospital-hospital Keraian.

Tuan Yang di-Pertua,

Pemendekkan tempoh khidmat wajib berupaya menjamin perkhidmatan yang berkualiti dan meningkat tahap kepuasan rakyat. Ini adalah kerana selepas tamat khidmat wajib, para doktor boleh memilih samada ingin terus berkhidmat di dalam sektor awam atau swasta. Dengan peluang menyediakan perkhidmatan diatas kerelaannya sendiri akan meningkat motivasi dan semangat mereka dan seterusnya mendorong mereka memberi perkhidmatan terbaik.

Pada masa ini, doktor hanya diberi berpeluang mengikuti pengajian sarjana kepakaran selepas tamat tempoh khidmat wajib. Dengan pemendekkan tempoh khidmat wajib, lebih ramai doktor akan berpeluang menyambung pengajian ke peringkat sarjana dalam tempoh yang singkat.

Tuan Yang di-Pertua,

Tiada perubahan ketara dari segi jumlah doktor perubatan peringkat pegawai perubatan siswazah atau pun pegawai perubatan biasa meninggalkan sektor awam untuk berhijrah ke sektor swasta.

Dianggarkan sekitar 600 orang doktor berpeluang menikmati manfaat ini setiap tahun bagi mengikuti pengajian sarjana kepakaran perubatan. Ini akan dapat mengatasi masalah kekurangan pakar perubatan di hospital-hospital kerajaan.

PAGE

) .

SOALAN NO. 57

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN PEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN ; LXSAN
DARIPADA Y.B. TAN SRI DATO* SERX ONG I< A TING
(KULAI)**

TARIKH 24 MAC 2010

SOALAN:

Y.B. TAN SRI DATO¹ SERX ONG KA TING (KUUTI) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan adakah Kerr enterian berhasrat untuk meringkaskan iaporan beberapa Suruhanj'eya atau Jawatankuasa yang telah dilantik untuk menylasat kegagalan atau keruntuhan struktur bangunan untuk rujukan orang awam.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Sebagaimana Dewan Yang Mulia ini sedia maklum, Jabafcm Kerja Raya (JKR) sebagai agensi teknikal Kerajaan anfcara iafn berperanan dalam memberi nasihat dan laporan teknikal kepada pihak-pihak yang terlibat, seperti dalam kejadian insiden-insidesn keruntuhan yang berlaku di negara ini. Di antara laporan-laporan yang telah dijalankan oleh JKR dan menarik perhatian oran g ramai ialah laporan mengenai insiden keruntuhan bumbung .Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin, Kuala Terengganu dan laporan keruntuhan cerun di Bukit Antarabangsa, Ulu Klang.

Kementerian Kerja Raya sememangnya mengambil maklum tentang minat yang ditunjukkan oleh orang ramai untuk mengetahuf kandungan laporan berkenaan. Ini kerana kandungan aporan berkenaan ada melibatkan kepentingan, keselamatan dsn a set orang ramai, khususnya mereka yang terlibat di kawasan kEjadiari. Sehubungan itu, Kementerian ini bersedia mempertimb ingkan cadangan untuk meringkaskan dokumen-dokumen Laporan Jawatankuasa Siasatan Teknikal yang telah dijalankan oleh .IKR itu sebagai rujukan jika terdapat keperluan dan permintaan daripada orang ramai.

NO. AUP :

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]
TARIKH 24 MAC 2010
RUJUKAN 2382

SOALAN

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah periagih dadah di Negara ini untuk 10 tahun terakhir. Adakah perang terhadap salah guna dadah dianggap berjaya.
Tuan Yang DiPertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Beruas yang mengemukakan soalan.

Berdasarkan maklumat yang dikeluarkan oleh Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan (NADI), seramai 267,906 penagih telah dikesan sepanjang tahun sepanjang tahun 2000 sehingga 2009. Jumlah penagih yang dikesan dalam tahun 2009 adalah seramai 15,736 orang iaitu 7,123 penagih baru dan 8,613 penagih berulang.

Daripada penilaian dan kajian yang dijalankan, didapati program membanteras dadah yang dilaksanakan adalah berkesan. Melalui pelbagai aktiviti yang dijalankan, masyarakat telah mendapat maklumat,

pengetahuan, kesedaran dan kemahiran asas untuk menolak dadah. Sokongan dan kerjasama masyarakat civil juga meningkat dalam membantu usaha-usaha menangani masalah dadah di negara ini. **NO AUM i.13**

Namun demikian, adalah diakui bahawa penagihan dadah adalah penyakit yang disifatkan sebagai *chronic relapsing disease* yang memerlukan proses kepulihan jangka panjang.

No. Soalan :

59 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN **LISAN**

DARIPADA : **DATUK MD.SIRAT BIN ABU**

TARIKH **24 MAC 2010 (RABU)**

SOALAN

Datuk Md.Sirat bin Abu [Bukit Katil] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berikutan kemalangan bas ekspres yang telah meragut banyak nyawa penumpang akibat kelalaian pemandunya, apakah langkah-langkah berkesan LPKP untuk memantau dan meningkatkan kesedaran pemandu pengangkutan awam. Apakah langkah penyelesaian terhadap karenah birokrasi antara agensi polis, LPKP dan JPJ yang kurang dikoordinasi tindakannya dalam usaha mengurangkan kemalangan jalan raya yang melibatkan pengangkutan awam.

JAWAPAN **YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, LPKP telah dan sedang mengambil langkah-langkah berkesan untuk memantau dan meningkatkan kesedaran pemandu pengangkutan awam. Antara langkah-langkah tersebut ialah:-

1. **Penguatkuasaan secara berterusan melalui operasi harian berkala dan pemantauan.** Bagi tempoh **Januari 2009 hingga Februari 2010**, sebanyak **22,790 kenderaan** pengangkutan awam termasuklah bas dan teksi telah diperiksa di mana **2,446 lesen telah disita** atas pelbagai jenis kesalahan melibatkan Akta LPKP 1987. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **63 lesen dibatalkan, 28 lesen digantung, 2,001 dikompaun, 117 lesen diberi amaran, 67 lesen dibebaskan** dan **170 lesen lagi masih di dalam siasatan.**

2. **Pemantauan dan pengauditan ke atas pemegang lesen kenderaan pengangkutan awam.** Langkah ini merupakan elemen penting penguatkuasaan yang dijalankan bagi memastikan pemegang lesen beroperasi mengikut peraturan dan tidak menyalah gunakan lesen serta memantau pengurusan syarikat agar kecekapan dan keselamatan dapat dipertingkatkan. **Aspek yang diambil kira dalam auditan syarikat adalah berpandukan kepada Kod Amalan Safety, Health and Environment (SHE) Bagi Sektor Pengangkutan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Perkerjaan (JKKP).** Aspek-aspek tersebut ialah pengurusan pemandu, pengurusan kenderaan, pengurusan perjalanan dan risiko dan pengurusan dokumen. Bagi tempoh Januari 2009 hingga Februari 2010 sebanyak 39 sesi auditan syarikat telah dijalankan oleh LPKP.
3. **Memberi penekanan kepada pengurusan sistem aduan dengan menyediakan pelbagai saluran** bagi memastikan setiap aduan dapat dikemukakan dengan cepat, mudah dan responsif. Orang ramai boleh menggunakan saluran aduan yang disediakan seperti talian **hotline 24 jam (1- 800-88-9600)**, sistem pesanan ringkas (sms) 15888, melalui laman web (*online*), surat, e-mail, kaunter (walk-in) dan kad aduan LPKP yang diletakkan di hotel-hotel.
4. **Mengedarkan Buku Kod Etika Pemandu Pengangkutan Awam.** Buku ini mengandungi garis panduan yang boleh dijadikan penanda aras kualiti perkhidmatan pengangkutan awam di Malaysia. Panduan yang terkandung di dalam buku ini juga memberi penekanan ke atas **aspek pemanduan berhemah, etika di atas jalan raya dan ketika berhadapan dengan penumpang, penampilan diri, tatakelakuan serta layanan kepada orang kurang upaya (OKU)**.
5. **Mewujudkan Sistem Kad Pemandu bagi pemandu teksi.** Melalui sistem ini hanya pemandu teksi yang layak berpandukan kriteria-kriteria yang ditetapkan LPKP sahaja dikeluarkan kad pemandunya. Antara kriteria tersebut ialah mempunyai PSV, pengesahan daripada pihak syarikat dan sebagainya.
6. **Menjayakan Kempen Kesedaran Hak-Hak Pengguna Pengangkutan Awam.** Melalui motto "**Pengguna 1 Penguatkuasaan**", kempen ini telah memberi

kesedaran dan galakan kepada pengguna untuk mempunyai rasa tanggungjawab bersama Kerajaan meningkatkan kualiti pengangkutan awam. Pengguna diberi pendedahan melalui edaran *pamphlet* dan *sticker* berhubung kesalahan yang sering dilakukan oleh pemandu dan dididik menggunakan kaedah mengemukakan aduan secara tepat di samping mewujudkan sikap menghargai pengguna di kalangan pemandu kenderaan pengangkutan awam. Pada tahun ini, sebanyak 4 kempen di peringkat wilayah telah dijayakan bermula di Wilayah Wilayah Utara dan Wilayah Selatan pada bulan Februari dan diikuti dengan Wilayah Selatan dan Wilayah Tengah pada bulan Mac.

Bagi penyelesaian terhadap karenah birokrasi antara agensi polis, LPKP dan JPJ, langkah-langkah yang telah dilaksanakan ialah:-

1. **Mewujudkan Sistem e-LPKP.** Melalui sistem ini, maklumat berkaitan saman dan senarai hitam kenderaan pengangkutan awam dapat dikongsi bersama antara agensi LPKP, PDRM dan juga JPJ. Ini memudahkan rujukan dibuat agar proses tindakan dapat diambil dengan tepat dan cepat.
2. **Jawatankuasa Inkuiри dan Audit Kemalangan Maut.** LPKP akan menjalankan inkuiри ke atas pengurusan syarikat yang terlibat di dalam kemalangan maut. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Pengerusi LPKP dan dianggotai agensi-agensi berwajib iaitu Kementerian Pengangkutan, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Keselamatan Jalan Raya, Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya, PUSPAKOM dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan akan meneliti dan menilai sistem pengurusan syarikat yang terlibat dan mengesyorkan tindakan yang perlu diambil oleh Lembaga terhadap syarikat. Bagi tempoh **Januari 2009 hingga Februari 2010 sebanyak 4 inkuiри melibatkan 5 kes telah dijalankan** terhadap syarikat-syarikat yang terlibat dalam kemalangan maut. Hasil daripada inkuiри-inkuiри tersebut, **LPKP telah membatalkan 2 lesen, menggantung 37 lesen dan memberikan amaran ke atas 1 lesen.**
2. **Penguatkuasaan secara bersepada.** Bagi meningkatkan keberkesanan tindakan penguatkuasaan, LPKP melakukan operasi bersepada dengan agensi-agensi

penguatkuasaan lain seperti, JPJ, PDRM, Agensi Antidadah Kebangsaan, Jabatan Alam Sekitar dan Pihak Berkuasa Tempatan di tempat-tempat tumpuan awam seperti terminal-terminal bas ekspres, stesen-stesen LRT, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan Hentian Rehat dan Rawat (R&R) di lebuhraya-lebuhraya utama. Bagi tempoh **Januari 2009 hingga Februari 2010**, **sebanyak 2,496 kenderaan** pengangkutan awam telah **diperiksa dalam 208 operasi** di mana **135 lesen telah disita** atas pelbagai jenis kesalahan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **96 lesen telah dikompaun, 9 diberi amaran, 3 dibebaskan dan 27 lagi masih di dalam siasatan.**

Dengan pelaksanaan langkah-langkah di atas, diharapkan etika pemanduan kenderaan pengangkutan awam dapat ditingkatkan seterusnya mengurangkan kemalangan jalan-raya dan memberikan keyakinan dan keselesaan kepada penumpang terhadap pengangkutan awam di negara ini.

Sekian. Terima kasih.

M<T:- 6d

SJ.B/(41)/(64)/(82)

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA **TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN ENDUT
(KUALA TERENGGANU)**

PERTANYAAN **LISAN**

TARIKH **24.03.2010, 30.03.2010 & 01.04.2010**

So ANO **Lo**

Tuan Mohd Wahid bin Endut (Kuala Terengganu) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan status terkini hasil rundingan antara Kerajaan Negeri Terengganu dengan Kementerian Kewangan berhubung dengan isu mengembalikan wang Royalti Petroleum dan Gas kepada Kerajaan Negeri. Nyatakan jumlah yang sepatutnya dibayar oleh PETRONAS dari tahun 2000 hingga Mac 2010 dan bilakah ia akan dikembalikan kepada Kerajaan Negeri Terengganu mengikut Akta PDA (Petroleum Development Act 1974) dan perjanjian asal dengan PETRONAS yang ditandatangani pada tahun 1975.

Tuan Mohd Wahid bin Endut (Kuala Terengganu) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan jumlah perbelanjaan di bawah peruntukan Dana Khas dari wang royalti petroleum Terengganu yang telah dibelanjakan oleh kementerian-kementerian, agensi-agensi Kerajaan Persekutuan, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dari tahun

2000 hingga Mac 2010. Bilakah jumlah kewangan tersebut akan dibayar balik kepada Kerajaan Negeri Terengganu.

Dan

Tuan Mohd Wahid bin Endut (Kuala Terengganu) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan jumlah royalti petroleum yang sepatutnya dibayar oleh PETRONAS kepada Kerajaan Negeri Terengganu dari tahun 2004 hingga 2008 (semasa Dato' Idris Jusoh menjadi Menteri Besar) dan dari tahun 2008 hingga Mac 2010 (semasa Dato' Ahmad Said) dan berapakah jumlah sebenar yang telah dibayar oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri Terengganu dalam tempoh-tempoh masa tersebut.

**JAWAPAN: Tuan
Yang di-Pertua,**

Saya mohon untuk menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu bersekali dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat yang dijadualkan pada 30.03.2010 dan 01.04.2010 kerana ia menyentuh isu yang sama.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rundingan antara Kerajaan Negeri Terengganu, PETRONAS dan Kerajaan Persekutuan bagi penyerahan Dana Khas kepada Kerajaan Negeri Terengganu masih diteruskan. Apabila Perjanjian Penyelesaian (*Settlement Agreement*) dipersetujui dan ditandatangani, barulah Dana Khas ini dibayar terus kepada Kerajaan Negeri Terengganu. Bagi jumlah dana terdahulu yang masih disimpan oleh Kerajaan Persekutuan, ia akan dipulangkan kepada Kerajaan Negeri Terengganu setelah mengambil kira semua obligasi termasuk baki kos projek yang sedang dilaksanakan di Terengganu.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah Dana Khas yang dibayar oleh PETRONAS dari tahun 2000 hingga Mac 2010 adalah sebanyak RM17,706,666,572. Daripada jumlah tersebut, RM6,478,300,000 telah dibayar secara tunai kepada Kerajaan Negeri Terengganu bagi membiayai keperluan Bajet Mengurus dan Pembangunan. Manakala sebanyak RM1,280,377,081 disalurkan kepada Kerajaan Negeri Terengganu bagi melaksanakan projek-projek pembangunan di luar peruntukan bajet negeri. Dari segi agihan mengikut tempoh, sebanyak RM5,805,977,081 diagihkan dalam tempoh dari 2004 hingga Mac 2008 dan RM1,962,700,000 diagihkan dalam tempoh dari April 2008 hingga 2010 kepada Kerajaan Negeri Terengganu secara tunai. Sebanyak RM7,721,177,064 pula disalurkan dalam bentuk projek/program yang dilaksanakan oleh kementerian dan agensi persekutuan termasuk Syarikat Perumahan Negara Berhad di Negeri Terengganu.

m, ff

SJ.B/(44)

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA

DATO' HAJI

TAJUDDIN BIN ABDUL

RAHMAN

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH

24.03.2010

SoUAW KtO: & I

Dato' Haji Tajuddin Bin Abdul Rahman (Pasir Salak) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan bagaimana rakyat berpendapatan rendah dan tidak bekerja tetap boleh mendapatkan pinjaman perumahan

bila mana tidak mampu membayar balik pinjaman pada kadar RM300-RM500 sebulan sebagaimana disyaratkan oleh institusi kewangan yang memberi pinjaman.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi membantu golongan bekerja sendiri, kerajaan telah menubuhkan Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad (SJKP) untuk menjamin pinjaman perumahan yang diberikan oleh institusi kewangan kepada golongan sasaran ini.

2. Skim ini disasarkan kepada golongan bekerja sendiri yang mempunyai keupayaan untuk membayar ansuran pinjaman perumahan tetapi tidak mempunyai dokumen seperti penyata gaji yang boleh menyokong permohonan pinjaman mereka. Dengan adanya jaminan yang diberikan oleh SJKP, ia memudahkan golongan ini mendapatkan pinjaman perumahan dari institusi kewangan yang telah mengambil bahagian di dalam skim ini.

3. Skim ini menyediakan jaminan pinjaman sehingga RM 100,000.00 bergantung kepada keperluan dan kemampuan peminjam membayar batik pinjaman mereka. Jumlah bayaran bulanan yang dikenakan bagi pinjaman sebanyak RM35,000 adalah dalam lingkungan RM200 sebulan dan meningkat sehingga RM500 sebulan tertakluk kepada jumlah pinjaman dengan tempoh bayaran balik pinjaman di antara 25 hingga 30 tahun. Walau bagaimanapun, jumlah bayaran bulanan ini akan berkurangan sekiranya tempoh pinjaman tersebut dipanjangkan mengikut kemampuan peminjam.

4. Dengan kemudahan ini, Kerajaan dapat membantu rakyat berpendapatan rendah dan tidak bekerja tetap memiliki rumah mengikut kemampuan dan pendapatan mereka.

Soalan NO: 62

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN
DARIPADA

LISAN

Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY A/L

TARIKH

R.SANTIAGO (KLANG)

NO. SOALAN : 62

SOALAN : :

TUAN CHARLES ANTHONY A/L R.SANTIAGO [KLANG] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan langkah Kerajaan untuk mengatasi laporan negatif media antarabangsa dan dalam negeri dan persepsi negatif golongan peniaga antarabangsa terhadap Kerajaan termasuk ekonomi akhir- akhir ini, khususnya laporan Political and Economic Risk Consultancy (PERC). TAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Malaysia mengikuti laporan-laporan yang dibuat oleh media asing dan juga badan-badan penyelidikan ekonomi dan politik antarabangsa terhadap perkembangan yang berlaku di dalam negara. Kerajaan sedar bahawa terdapat di antara laporan-laporan tersebut yang kurang tepat, tidak objektif malah tidak adil kerana mengandungi maklumat yang tidak mencerminkan sepenuhnya situasi sebenar.

Bagi memberi pelabur asing fakta-fakta yang benar dan terkini berkaitan dengan perkembangan semasa di Malaysia, Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri selalu mengadakan sesi pertemuan dengan pihak media asing dan komuniti perniagaan antarabangsa sama ada di Malaysia, begitu juga

semasa

misi-misi galakan perdagangan dan pelaburan ke luar negeri untuk memberikan penjelasan berkaitan isu-isu semasa Malaysia.

Di samping itu, kegiatan *outreach* Kerajaan juga diperluaskan ke luar negeri menerusi rangkaian kedutaan-kedutaan di luar negeri dan juga oleh pegawai-pegawai perdagangan dan pelaburan di luar negara. Usaha penyebaran maklumat ini juga dilakukan dengan kerjasama pertubuhan perniagaan Malaysia yang terdapat di negara-negara berkenaan.

Kerajaan akan berusaha sepenuhnya bagi memastikan bahawa dasar dan iklim perniagaan dalam negara akan sentiasa kondusif kepada semua para pelabur dan peniaga, sama ada tempatan mahupun asing. Di samping itu, Kerajaan juga berusaha untuk memastikan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah untuk menangani impak krisis ekonomi global dan memperbaiki iklim pelaburan dan sistem penyampaian perkhidmatan awam. Bagi mengurangkan kesan krisis ini ke atas ekonomi negara, Kerajaan telah melaksanakan pakej rangsangan ekonomi yang berjumlah RM67 bilion. Pakej rangsangan ini telah berjaya mengurangkan impak sepenuhnya krisis ini dan membolehkan Malaysia keluar dari kemelesetan ekonomi pada penghujung tahun lalu, di mana Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) telah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 4.5% pada suku tahun keempat 2009.

Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) yang ditubuhkan pada Februari 2007 telah melaksanakan pelbagai penambahbaikan yang berterusan dalam sistem, prosedur dan proses penyampaian Kerajaan. Ini termasuklah

mengurangkan masa untuk memulakan perniagaan dan pendaftaran harta serta memperkenalkan satu nombor rujukan tunggal yang dipanggil MyCoID, iaitu nombor pengenalan bagi entiti perniagaan yang digunakan apabila berurus dengan agensi kerajaan. Sistem Sokongan Elektronik Pelesenan Perniagaan (BLESS) serta Pusat Setempat (OSC) juga telah dibangunkan untuk memudahkan pendaftaran perniagaan.

PEMUDAH akan menubuhkan kumpulan-kumpulan kerja sebelum akhir April 2010 yang memberi fokus kepada isu-isu berkaitan perolehan kerajaan, perundangan buruh, penamatan perniagaan, pelesenan dan fasilitasi perniagaan.

Isu penyampaian perkhidmatan dalam bidang kehakiman juga sedang dikaji semula oleh PEMUDAH. Di bawah pembaharuan ini, mahkamah komersial yang baru perlu menyelesaikan kes berkaitan perdagangan, kecuali yang melibatkan harta intelek dan muamalat, dalam tempoh 270 hari berbanding dengan purata tempoh kerja sekarang selama 585 hari.

Di samping itu, Program Transformasi Kerajaan yang menekankan kepada pencapaian enam Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRAs) telah diperkenalkan untuk memperluas dan mempercepatkan lagi proses penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan awam. NKRA-NKRA tersebut memberi manfaat kepada komuniti perniagaan dengan wujudnya persekitaran perniagaan yang lebih baik, khususnya melalui pengurangan kadar jenayah dan penurunan dalam angka penyalahgunaan kuasa dan rasuah serta peningkatan dalam kuasa beli isi rumah berpendapatan rendah. Semua usaha-usaha ini adalah bagi memastikan Malaysia sentiasa kekal menarik kepada pelabur-pelabur asing

dan tempatan.

Tuan Yang Dipertua,

Para pelabur masih mempunyai keyakinan ke atas Malaysia sebagai satu destinasi pelaburan pilihan. Ini terbukti dari jumlah pelaburan yang diluluskan untuk sektor pembuatan pada tiga tahun kebelakangan ini - iaitu sebanyak RM59.9 bilion pada tahun 2007, RM62.8 bilion pada tahun 2008 dan RM32.6 bilion pada tahun 2009 - melebihi sasaran tahunan RM27.5 bilion yang ditetapkan dalam Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3).

Tuan Yang Dipertua,

Malaysia sentiasa bersikap positif kepada semua teguran yang berasas sama ada dari dalam atau luar negeri. Teguran-teguran ini menunjukkan bahawa Malaysia mempunyai profil antarabangsa yang tinggi dan sentiasa berada di mata dunia. Ini merupakan suatu perkara yang membanggakan bagi Malaysia di peringkat antarabangsa.

Attil

SJ.B/(38)

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE

(TENGGARA)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 24.03.2010 So/UAfc) UO : €>2>

Datuk Halimah binti Mohd Sadique (Tenggara) minta⁵

MENTERI KEWANGAN menyatakan berapakah jumlah tunggakan AirAsia kepada Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB) sehingga akhir 2009 dan nyatakan langkah yang telah diambil oleh MAHB untuk mengutip tunggakan hutang tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, kedudukan hutang AirAsia kepada MAHB sehingga akhir tahun 2009 adalah sebanyak RM34.4 juta di mana sejumlah RM20.5 juta daripadanya adalah hutang tertunggak (melebihi tempoh kredit). Berdasarkan kedudukan semasa sehingga 28 Februari 2010, jumlah hutang AirAsia telah berkurang kepada RM21.22 juta dan hanya RM6.4 juta daripadanya adalah hutang tertunggak.

Dalam menangani masalah kutipan hutang tertunggak daripada syarikat-syarikat penerbangan, antara langkah yang dilaksanakan oleh MAHB adalah dengan memberi Surat Peringatan (*Reminder Letter*) sebanyak 3 kali dan sekiranya syarikat penerbangan masih gagai menjelaskan hutang tertunggak berkenaan, tindakan undang-undang akan diambil. Selain itu, jumlah hutang yang melebihi tempoh kredit juga akan dikenakan faedah sebanyak 1% sebulan (*monthly basis*).

6<f

SJ.B/(42)

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

24/03 2010 11:42 0388908501

BAHAGIAN KORPORAT

#1447 P.23/029

DARIPADA **TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU
(TELOK INTAN)**

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH : **24.03.2010** SOUAN No:

Tuan Manogaran a/l Marimuthu (Telok Intan) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan mengapakah Kerajaan membenarkan bank-bank membuat promosi agresif penggunaan kad kredit sedangkan ia dalam keadaan terdapat banyak mesin ATM, perlukah pengguna menggunakan kad kredit dan adakah Kerajaan menggalakkan penggunaan tunai dan kad-kad debit.

DARIPADA **DATUK IR. HAJI IDRISHAJI HARON
(TANGGA BATU)**

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH : **25.03.2010**

Datuk Ir. Haji Idris Haji Haron (Tangga Batu) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan berapakah jumlah hutang yang

dikategorikan sebagai 'yang tertangguh' dari semua pemegang kad kredit di seluruh negara pada hari ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya memohon untuk menjawab soalan dari Yang Berhormat Telok Intan bersama-sama soalan dari Yang Berhormat Tangga Batu yang dijadualkan dijawab pada 25 Mac 2010 kerana kedua-duanya menyentuh perkara dan isu yang sama.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, dalam usaha mempromosikan penggunaan pembayaran secara elektronik, Bank Negara Malaysia (BNM) menggalakkan penggunaan kad kredit sebagai kaedah pembayaran secara elektronik dan bukannya sebagai sumber kredit yang mudah. BNM sentiasa memantau perkembangan kad kredit di negara ini serta mengambil tindakan yang sewajamnya bagi memastikan penggunaan dan pengeluaran kad kredit adalah secara berhemat dan tidak menjurus kepada masalah keberhutangan yang berlebihan.
3. BNM telah mengeluarkan syarat minimum untuk penjualan, pemasaran dan promosi kad kredit bagi memastikan amalan pemasaran kad kredit dilakukan secara berhemah oleh pengeluar kad kredit. Selain itu, Garis Panduan Kad Kredit yang dikeluarkan oleh BNM juga memerlukan institusi pengeluar kad kredit membuat rujukan kepada Sistem Maklumat Pusat Rujukan Kredit (CCRIS), iaitu sistem

yang mempunyai maklumat kredit peminjam yang komprehensif semasa memproses sebarang permohonan kad kredit untuk menilai kedudukan kewangan si pemohon. Melalui sistem ini, bukan semua peiangan yang ditawarkan kad kredit layak untuk mendapat kad kredit kerana risiko keberhutangan yang berlebihan pemegang kad kredit dapat dinilai dan dikawal dengan teratur.

4. Daripada jumlah permohonan yang diterima oleh institusi-institusi pengeluar kad kredit bagi tahun 2009, hanya 2.3 juta permohonan atau 48% daripada jumlah permohonan yang diterima telah diluluskan. Kadar ini menunjukkan bahawa pengeluaran kad kredit tidak dilakukan dengan sewenang-wenangnya. Semasa melakukan pemeriksaan berkala ke atas pengeluar-pengeluar kad kredit, BNM juga turut melakukan pemeriksaan ke atas proses penilaian dan pemberian pinjaman kad kredit di institusi-institusi berkenaan bagi memastikan proses yang dijalankan adalah berhemat.

5. Baki tertunggak (*outstanding balance*) dari pemegang kad kredit pada akhir tempoh Januari 2010 berjumlah RM27.1 bilion. Daripada jumlah baki tertunggak tersebut, sebanyak RM24.7 bilion merupakan baki semasa (*current balance*) manakala baki tak berbayar (*non-performing loan*) berjumlah RM0.5 bilion.

6. Untuk makluman Yang Berhormat, penggunaan mesin ATM pada masa kini bukan sahaja untuk pengeluaran wang tunai, tetapi telah diperluaskan untuk membuat pembayaran bil, pemindahan dana antara bank, pembayaran untuk permohonan saham secara elektronik dan juga urus niaga tambah nilai MEPS Cash, Touch 'n Go dan nilai prabayar mudah alih. Penggunaan mesin ATM sebagai saluran pembayaran secara elektronik (e-pembayaran) telah meningkat

sebanyak 11.6% daripada 20.6 juta urus niaga pada tahun 2007 kepada 23 juta urus niaga pada tahun 2009.

7. Dalam usaha mempertingkatkan kaedah e-pembayaran, pihak Kerajaan menggalakkan penggunaan kad pembayaran seperti kad debit dan kad kredit berbanding dengan pembayaran secara tunai kerana ianya menjimatkan kos berikutan pengurangan pengendaiian wang tunai dan peningkatan kecekapan operasi serta produktiviti. Ia juga adalah sejajar dengan usaha Kerajaan meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian sektor awam. Orang ramai boleh menggunakan kad debit dan kad kredit untuk bayaran kaunter di beberapa agensi Kerajaan iaitu Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Pengangkutan Jalan, Polis Diraja Malaysia, hospital Kerajaan dan beberapa pihak berkuasa tempatan sebagai alternatif kepada wang tunai. Kad kredit juga merupakan instrumen pembayaran elektronik yang lebih digemari bagi pembayaran dalam talian (*online purchases*).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA Y.B. TUAN KHAIRY BIN JAMALUDDIN
[REMBAU]

TARIKH 24 MAC 2010

SOALAN:

Y.B. TUAN KHAIRY BIN JAMALUDDIN minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan bersetuju dengan cadangan kelavakan automatik bagi warga negara berusia 21 tahun ke atas untuk menjadi pengundi berdaftar.

JAWAPAN

YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan pendaftaran pemilih secara automatik bagi pengundi yang mencapai umur 21 tahun. Ini disebabkan sebahagian besar rakyat Malaysia tidak tinggal di alamat yang tercatat di dalam kad pengenalan. Jika dilaksanakan sistem pendaftaran pemilih secara automatik, ia akan memberikan implikasi yang besar kepada mereka yang terlibat memandangkan keadaan mobiliti penduduk yang sangat tinggi ekoran berpindah alamat kediaman, pertukaran tempat kerja dan sebagainya. Ini kerana terdapat mereka yang tidak membuat pertukaran alamat pada kad pengenalan, menyebabkan

bilangan mereka yang akan didaftarkan di luar kawasan tempat mereka bermastautin adalah tinggi. Bahkan mungkin ada di antara mereka yang tidak lagi menetap di alamat tersebut serta tidak mempunyai ahli keluarga di alamat yang didaftarkan. Jika hal ini berlaku ia akan menimbulkan kesulitan pemilih itu sendiri. Contoh, jika alamat yang tertera di dalam kad pengenalan ataupun yang terdapat di pangkalan data alamat di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) menunjukkan bahawa seseorang pemilih itu menetap di sesuatu alamat tertentu sedangkan pada hakikat sebenarnya beliau telah berpindah ke suatu tempat baru tetapi tidak membuat pertukaran alamat di JPN, maka seseorang pemilih itu akan didaftarkan berdasarkan alamat bermastautin yang lama.

Peraturan ini juga, jika dilaksanakan, amat bertentangan dengan kehendak Perlembagaan mengenai tempat mastautin sebenar pemilih berkenaan, kerana beliau telah berpindah ke tempat lain. Jika berlaku pilihan raya, maka pemilih berkenaan akan menghadapi kesulitan untuk menentukan di pusat mengundi manakah beliau akan mengundi kerana namanya tidak disenaraikan

di tempat mengundi beliau bermastautin. Jika ramai pemilih yang berpindah tempat bermastautin tetapi tidak memaklumkan kepada JPN, adalah dikhawatir ramai pemilih tidak akan kembali mengundi jika pusat mengundi mereka terletak jauh dari tempat kediaman mereka.

Oleh kerana itu, dikhawatir peratus pemilih yang keluar mengundi di bahagian pilihan raya berkurangan dan akan menjasakan imej negara di mata dunia. Berasaskan pada hakikat ini maka kerajaan belum lagi bercadang untuk membuat pendaftaran pemilih secara automatik.
Sekian, terima kasih.

SOALAN NO:

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTAIMYAAN	JAWAB LISAN
DARIPADA	YB HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA
TARIKH	24 MAC 2010 (RABU)

SOALAN

Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [Bachck] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan bercadang meminda Reciprocal Enforcement of Judgement Act bagi memasukkan Mahkamah Syariah dalam definisi mahkamah dalam Akta tersebut

JAWAPAN: YB Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz

Tuan yang di-Pertua,

Buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk meminda *Reciprocal Enforcement of Judgements Act 1958* [Akta 99] bagi memasukkan “Mahkamah Syariah” dalam takrif mahkamah.

Akta 99 digubal bagi tujuan untuk menggabungkan undang-undang yang berhubungan dengan penguatkuasaan bersaling penghakiman asing, dan untuk memakai undang-undang itu di seluruh Persekutuan seperti yang dinyatakan dalam bahagian Matlamat dan Alasan bagi Rang Undang-Undang tersebut pada tahun 1958. Akta tersebut bertujuan untuk

menbenarkan penguatkuasaan penghakiman mahkamah secara bersaling di antara negara yang disenaraikan di bawah Jadual Pertama Akta 99 dengan negara ini.

Perkataan “penghakiman” ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta 99 sebagai “suatu penghakiman atau perintah yang diberikan atau dibuat oleh sesuatu mahkamah dalam apa-apa prosiding sivil [...].” Perkataan “tindakan *in personam*” di bawah seksyen 2 juga ditakrifkan sebagai tidak boleh disifatkan sebagai termasuk apa-apa kausa hal ehwal suami isteri atau apa-apa prosiding yang berkaitan dengan apa-apa perkara hal ehwal suami isteri, pentadbiran harta pusaka orang yang mati, kebankrapan, penggulungan syarikat, gila atau penjagaan budak. Selain itu, subseksyen 3(3) menyatakan bahawa Akta 99 terpakai bagi penghakiman mahkamah yang melibatkan sejumlah wang yang kena dibayar tetapi bukannya jumlah wang yang kena dibayar berkenaan dengan cukaii atau caj lain daripada jenis yang serupa atau berkenaan dengan denda atau penalti lain.

Oleh itu, pemakaian Akta 99 adalah terhad kepada penghakiman berkenaan dengan tuntutan sivil dan penghakiman berkenaan dengan undang-undang keluarga tidak boleh dikuatkuasakan melalui Akta tersebut.

Berkenaan dengan tindakan bersaling bagi penguatkuasaan penghakiman yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah negara

salingan atau sebaliknya, tiada undang-undang khusus yang terpakai buat masa ini bagi memperuntukkan perkara sedmikian.

Bagi tindakan bersaling dalam penguatkuasaan penghakiman Syariah di dalam negeri, setiap negeri di Malaysia adalah tertakluk kepada peruntukan tindakan bersaling yang terdapat di dalam enakmen Negeri masing-masing memandangkan perkara yang menyentuh agama Islam terletak di bawah butiran 1 Senarai Negeri Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Setakat ini, setiap negeri di Malaysia, kecuali Perlis dan Wilayah Persekutuan, telah memasukkan peruntukan mengenai tindakan bersaling di dalam enakmen Negeri masing-masing.

PERTANYAAN	LISAN
TARIKH	24 MAC 2010 [RABU]
DARIPADA	DATO' SERI ZAHRAIN BIN MOHAMED HASHIM [BAYAN BARU]

PERTANYAAN

67. PR-1231-L35016
Dato' Zahrain Seri Mohamed Hashim [Bayan Baru] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status program pembinaan lorong motosikal yang diperuntukkan dalam RMK-8 dan RMK- 9
- (a) berapa banyakkah yang sudah disiapkan; dan
(b) yang masih belum, bilakah akan disiapkan.

JAWAPAN BELUM DITERIMA DARIPADA KEMENTERIAN BERKENAAN

Soalan No.67

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PARLIMEN MALAYSIA

SOALAN NO:

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

: LISAN

DARIPADA

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa (Parit Buntar)

TARIKH

: 24 Mac 2010 (RABU)

SOALAN

: Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bagaimana mekanisme agihan subsidi sara hidup nelayan dibuat dari pendaftaran hingga penyerahan kepada pihak yang layak.

JAWAPAN

Tuan yang diPertua,

Skim Sara Hidup pada kadar RM200.00 sebulan diberikan kepada pemilik individu vesel perikanan dan pekerja warga negara Malaysia. Kriteria bagi menentukan nelayan yang layak mendapat bantuan adalah seperti berikut:

i) PEMILIK BOT

- a) Mempunyai Mykad (biru) dan Kad Nelayan yang di keluarkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia;
atau

- b) Memiliki lesen vesel perikanan yang sah yang dikeluarkan Jabatan Perikanan Malaysia; atau
- c) Memiliki lesen vesel perikanan yang sah yang dikeluarkan oleh Jabatan Laut Sabah atau Lembaga Pelabuhan atau Dermaga Negeri Sabah serta lesen menangkap ikan dari Jabatan Perikanan Sabah; dan
- d) Berumur 18 tahun ke atas pada tahun 2008

b) PEKERJA ATAS VESEL MILIK WARGANEGARA MALAYSIA

- a) Memiliki Mykad (biru); dan
- b) Memiliki Kad Nelayan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia; dan
- c) Didaktarkan sebagai pekerja vesel oleh pemilik vesel individu dan syarikat; dan
- d) Berumur 18 tahun ke atas pada tahun 2008

Mekanisme agihan adalah seperti berikut:

1. Pemilik vesel individu dan pekerja warganegara diwajibkan untuk mendaftar dengan LKIM dengan mengisi borang pendaftaran yang ditetapkan. Borang tersebut adalah sah untuk tempoh satu tahun dan salinan dokumen seperti berikut adalah perlu disertakan
 - a) Salinan Mykad pemilik vesel dan pekerja;
 - b) Salinan lesen vesel dan perkakasan yang masih sah berkuatkuasa;

- c) Borang daftar pekerja vesel yang disahkan oleh pemilik;
 - d) Salinan Kad Nelayan pemilik dan pekerja vesel yang di keluarkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia dan masih berkuatkuasa;
 - e) Salinan buku akaun simpanan;
 - f) Gambar pemohon; dan
 - g) Lain - lain dokumen sokongan (jika perlu)
2. Segala dokumen dan borang permohonan Elaun Sara Hidup yang lengkap akan dikemukakan kepada Pejabat Persatuan Nelayan Kawasan, Pejabat LKIM Wilayah atau Pejabat Negeri yang terdekat.
3. Maklumat pemohon akan dimuat turun ke dalam sistem e-Pendaratan dan akan disemak dahulu oleh Pengarah Negeri Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia sebelum proses kelulusan.
4. Setelah mendapat kelulusan Pengarah LKIM Negeri, Bahagian ibu pejabat LKIM akan terus membuat bayaran terus ke akaun individu nelayan tersebut melalui Bank CIMB, AgroBank, BSN dan

Maybank yang telah disokong Pengarah LKIM Negeri masing -
PERTANYAAN-PERTANYAAN
masing. **DEWAN RAKYAT**

Selain dari itu, LKIM juga telah melaksanakan bayaran elaun sara hidup nelayan secara tunai. Sebelum menerima elaun, nelayan-nelayan perlu menghadiri program motivasi yang disampaikan oleh pemimpin-pemimpin tempatan. Program ini dapat membina modal insan di kalangan nelayan dan menerapkan semangat kepada nelayan supaya terus berdaya maju dalam subsektor perikanan. Secara purata, seramai 6,000 orang nelayan setiap bulan telah menghadiri program motivasi sebelum menerima elaun sara hidup secara tunai.

Soalan No:

PERTANYAAN : PR-1231-L35741
DARIPADA Tuan ErTeck Hwa (Bakri)
TARIKH **24 MAC 2010 (RABU)**

SOALAN: YB Tuan Er Teck Hwa (Bakri) minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jumlah kes pencerobohan pukat tunda ke kawasan perairan Pt. Jawa sejak tahun 2000:-

(a) Sila berikan senarai nama pemilik pukat tunda yang

terlibat dalam pencerobohan serta bentuk tindakan undang-undang yang dikenakan; dan

(b) Apakah jaminan oleh Kerajaan untuk membela nasib nelayan pukat hanyut ataupun berlesen kelas A di kawasan sungai Balang, Bagan dan Pt. Jawa.

Jawapan :

Tuan yang diPertua,

a) Sejak tahun 2000 sehingga awal Mac 2010 sebanyak 19 kes pencerobohan pukat tunda telah dikenakan tindakan oleh pelbagai agensi penguat kuasa maritim negara seperti Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM), Polis Marin, KASTAM, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Jabatan Perikanan Malaysia. Tindakan mengenakan kompaun telah dikenakan kepada pesalah termasuk satu (1) kes telah dibawa ke mahkamah. Antara kes-kes pencerobohan pukat tunda yang berjaya ditangkap di Tanjung Tohor, Parit Jawa adalah seperti berikut:

Bil.	Tahun	Bilangan Tangkapan	Tindakan
1	2001	2	Dikenakan kompoun dan hasil lelongan ikan tidak dikembalikan kepada pemilik
2	2002	3	Dikenakan kompoun dan hasil lelongan ikan tidak dikembalikan kepada pemilik
3	2003	0	Tiada Tangkapan
4	2004	0	Tiada Tangkapan
5	2005	6	Dikenakan kompoun dan hasil lelongan ikan tidak dikembalikan kepada pemilik
6	2006	1	Kes dibawa ke mahkamah
7	2007	1	Dikenakan kompoun dan hasil lelongan ikan tidak dikembalikan kepada pemilik
8	2008	1	Dikenakan kompoun sahaja
9	2009	1	Tiada kompoun dikenakan dan hasil lelongan ikan dikembalikan kepada pemilik
10	2010	4	Dikenakan kompoun dan hasil lelongan ikan tidak dikembalikan kepada pemilik
		19	

Langkah yang diambil bagi membela dan melindungi nelayan tradisi di zon A antarnya adalah:

- a. menetapkan kawasan penangkapan ikan melalui sistem pengezonan seperti yang termaktub di dalam dasar dan prosedur pelesenan Jabatan Perikanan Malaysia.
- b. menjalankan penguatkuasaan maritim negara melalui agensi-agensi penguat kuasa yang terdiri daripada APMM, Polis Marin, KASTAM, TLDM dan Jabatan Perikanan Malaysia. Rondaan dijalankan di sepanjang perairan negara bagi memastikan penguatkuasaan undang-undang negara dan mereka yang bersalah dikenakan tindakan mengikut undang-undang.

NW:70

KK/BP(1.10)294/6-73 SJ.B/(47)

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA	DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM (PERMATANG PAUH)
PERTANYAAN	LISAN
TARIKH	: 24.03.2010 SOAIMoMO

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (Permatang Pauh) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan perincian laporan Bank Negara mengenai cadangan pengeluaran 19 jualan bon tahun ini dan nilainya tiap satu jualan serta butiran anggaran yang diperuntukkan untuk dana pembangunan dan pembiayaan defisit. Nyatakan juga prestasi pengeluaran bon tahun 2009.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat 2 jenis bon yang diterbitkan oleh Kerajaan iaitu Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan (TPK). Bagi program pinjaman pasaran bon 2010, sebanyak 19 terbitan bon akan dilaksanakan dan dari jumlah tersebut, 12 terbitan adalah SKM manakaia selebihnya TPK. Nilai setiap terbitan dianggarkan dalam lingkungan RM2 biliion hingga RM4 bilion.

2. Daripada jumlah pinjaman kasar Kerajaan Persekutuan tahun 2010, sebanyak RM23.4 bilion diperuntukkan untuk membayar balik pinjaman sedia ada dan untuk menampung pembiayaan defisit yang dijangkakan berada pada kadar 5.6% daripada anggaran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahun 2010.

3. Mengenai prestasi pengeluaran bon tahun 2009, jumlah pinjaman melalui pasaran bon adalah RM88.5 bilion dengan purata kadar faedah sebanyak 3.48% setahun. Secara purata, ielongan pinjaman bagi tahun 2009 mendapat jumlah bidaan hampir dua kali ganda daripada jumlah asal terbitan. Program pinjaman pasaran bon bagi tahun 2009 terdiri daripada 19 terbitan SKM dan 9 TPK dengan nilai setiap terbitan dalam lingkungan RM2.5 bilion hingga RM4.5 bilion.

NO.AUM : 68

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN		DARIPADA
TARIKH RUJUKAN	DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]	
	24 MAC 2010	
SOALAN :	2388	

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta MENTERI DALAM NEGERI

menyatakan keadan pemerdagangan orang (human trafficking) di negara ini seperti bilangan orang yang masuk ke Malaysia dengan ‘social pass’ dan bilangan yang terjerumus ke tempat-tempat semacam ‘reflexology’ serta bilangan yang terbunuh. Apakah faktor - faktor yang menyebabkan pemerdagangan orang dan cara-cara untuk mengatasinya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kepong yang telah mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Data dan maklumat yang diterima daripada Jabatan Imigresen Malaysia menunjukkan bahawa tiada mangsa-mangsa Antipemerdagangan Orang merupakan pemegang Pas Lawatan Sosial terlibat dengan tempat-tempat “reflexology” atau pun yang terbunuh.

Antara faktor-faktor utama yang menyumbang kepada berlakunya jenayah pemerdagangan orang adalah kurangnya kesedaran mengenai perkara ini di kalangan masyarakat dan juga mangsa-mangsa yang berpotensi untuk dieksplotasi oleh individu atau sindiket tidak bertanggungjawab yang kemudiannya mengaut keuntungan daripada kegiatan tersebut. Selain itu, faktor kemiskinan dan migrasi juga turut mendorong kepada berlakunya aktiviti yang tidak bermoral ini sehingga mangsa-mangsa diperdagangkan, diugut dan dipaksa untuk tujuan pekerjaan.

Dalam usaha mengatasi gejala ini, program-program kesedaran awam

amat penting dan relevan bagi menimbulkan kepekaan dan kesedaran kepada masyarakat umum mengenai bahaya pemerdagangan orang yang merupakan satu jenayah di bawah Akta Antipemerdagangan Orang 2007. Antara program-program kesedaran tersebut termasuk mengedar poster-poster membanteras jenayah pemerdagangan orang di pintu-pintu masuk utama negara, menyiaran poster di akhbar, pelaksanaan pengumuman udara mengenai jenayah ini oleh syarikat-syarikat penerbangan tempatan termasuk pengumuman di lapangan terbang antarabangsa, menganjurkan program-program bina upaya untuk agensi-agensi Kerajaan yang bertanggungjawab mengenai perundangan, penguatkuasaan serta perlindungan dan pemulihan mangsa, mempamerkan poster di papan-papan iklan (*billboard*) di lokasi-lokasi yang strategik dan program-program wawancara di media cetak dan elektronik.

*0:

SJ,B/(49)

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA **TUAN FONG KUI LUN**
 (BUKIT BINTANG)

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH **24.03.2010** **No :**

Tuan Fong KuiLun (Bukit Bintang)minta MENTERI KEWANGAN menyatakan kedudukan siasatan dan tindakan kes aduan penipuan oleh STG Resources Sdn. Bhd. (811939-A) ke atas orang ramai yang menyebabkan mereka terpedaya untuk meiabur di dalam skim projek rangkaian restoran mamak nombor satu dan kafe mamak bertaraf 5 bintang tetapi projek tidak wujud dan wang pelaburan tidak dikembalikan serta tindakan ke atas syarikat-syarikat lain dalam kategori yang sama.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pada 4 Februari 2010, Bank Negara Malaysia telah menyerbu premis-premis syarikat STG Resources Sdn. Bhd. (STG) kerana disyaki melakukan kesalahan pengambilan deposit daripada orang ramai tanpa memiliki lesen yang sah.

2. Siasatan ini dijalankan di bawah seksyen 25(1) Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 dan seksyen 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001. Siasatan ke atas STG di bawah kedua-dua Akta tersebut masih lagi berjalan. Selain itu, STG juga sedang disiasat oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan di bawah seksyen 4(1) Akta Jualan Langsung 1993.
3. Bank Negara Malaysia juga telah menjalankan siasatan ke atas beberapa lagi syarikat kerana kesalahan pengambilan deposit tanpa lesen daripada orang ramai.

NO. AUM : 52

NO. AUP : ^3

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
LISAN**

PERTANYAAN DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

DARIPADA 24 MAC 2010

TARIKH 2387

SOALAN

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapakah jumlah penjara-penjara di Malaysia. Penjara-penjara ini dibina untuk menampung berapa ramai banduan dan berapakah jumlah sebenarnya banduan-banduan yang kini menduduki penjara-penjara ini.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

**Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari
Beruas yang mengemukakan pertanyaan.**

Dimaklumkan pada ketika ini terdapat sejumlah 31 buah penjara di seluruh Malaysia dan penjara-penjara berkenaan mampu menampung 34,200 orang banduan. Berdasarkan statistik pada 1 Mac 2010 hanya terdapat 32,799 orang banduan sedang ditahan atau menjalani hukuman di seluruh penjara. Ini bermakna penjara masih boleh menampung 1,401 atau 4.1% untuk mencapai kapasiti sebenar.

No. Soalan :

74 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Tuan Haji Taib Azamudden bin Md Taib
	[Baling
TARIKH] 24 Mac 2010
SOALAN	Tuan Haji Taib Azamudden bin Md Taib

Baling] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk memansuhkan Biro Tatanegara (BTN) atau hanya sekadar mengubahsuai sahaja setelah terbukti ianya gagal mencapai hasrat sebenar penubuhannya dahulu.

Jawapan :

Tuan Yang Di Pertua,

Hasrat sebenar penubuhan Biro Tatanegara (BTN), Jabatan Perdana Menteri adalah memupuk semangat patriotisme, cintakan Negara dan menerapkan nilai-nilai murni dengan mengendalikan Program Bina Negara yang meliputi pelbagai kursus dan seminar. Kumpulan sasar ialah kepada semua lapisan masyarakat terdiri daripada pemimpin, warga institusi pendidikan, anggota perkhidmatan awam, pemaju masyarakat, anggota pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pekerja swasta. Terkini, BTN juga memberi tumpuan kepada penerapan semangat gagasan 1 Malaysia - "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" dan Program Transformasi Kerajaan (PTK).

Penilaian yang dibuat oleh peserta kursus menunjukkan bahawa program anjuran BTN berkesan di mana pencapaian objektif kursus berdasarkan skor min sepanjang tahun 2009 berada pada tahap baik iaitu skor min 8.96. Ternyata bahawa tuduhan BTN gagal mencapai hasrat sebenar penubuhannya dahulu adalah tidak benar sama sekali. BTN juga berperanan dalam mempertingkatkan komitmen rakyat kepada wawasan Negara dan usaha-usaha ke arah kecemerlangan Negara serta mempersiapkan rakyat supaya menunjangi dasar-dasar Negara ke arah pembangunan demi kesejahteraan bangsa. Pengisian program BTN adalah mengikut silibus kenegaraan yang ditetapkan. Silibus ini disediakan oleh golongan

profesional yang mahir dalam bidang-bidang tertentu. Ini termasuk latihan sikap, berteraskan nilai-nilai murni bagi menjadi rakyat yang boleh menyumbang untuk pembangunan negara.

Selain dari itu elemen patriotisme juga diberi penekanan bagi memberi kesedaran dan meningkatkan semangat cinta serta setia kepada negara. Setiap maklumat yang disampaikan kepada peserta kursus adalah berasaskan kepada fakta-fakta berkaitan keadaan sosio-ekonomi sosial.

Semenjak penubuhannya lagi BTN menyanjung perpaduan dan keharmonian di kalangan masyarakat pelbagai kaum. Ini boleh dilihat melalui pengisian program yang memberi penekanan terhadap aspek nilai-nilai murni dan perpaduan antara kaum. Modul yang sedia ada banyak menyentuh perkara-perkara yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan yang antara lain termasuklah hak dan kedudukan orang Melayu/Bumiputera dan dalam masa yang sama penerangan tentang hak-hak rakyat kaum lain juga ditekankan.

Oleh yang demikian Kerajaan tidak bercadang untuk memansuhkan Biro Tatani negara sebaliknya akan sentiasa memperkasakan agensi ini kerana sejak penubuhannya pada tahun 1981, BTN telah melaksanakan program yang menepati hasrat sebenar dan objektif utama iaitu untuk memupuk semangat patriotisme, membina sikap berteraskan nilai murni dan penghayatan cintakan negara di kalangan warganegara.

